

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (93745-A)

GROUP MULTIPLE BENEFITS INSURANCE SCHEME

FOR:

KONGRESS KESATUAN PEKERJA-PEKERJA DI DALAM
PERKHIDMATAN AWAM (CUEPACS)

GS NO: 118

FOR FURTHER ENQUIRIES PLEASE CALL:
YOUR SERVICING AGENT

OR

GROUP ADMINISTRATION
AT 03-4813 3818



GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE MALAYSIA BERHAD (93745-A)

Ibu Pejabat:
Menara Great Eastern
Level 8, 303 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
MALAYSIA


**POLISI SKIM INSURANS BERKELOMPOK PELBAGAI MANFAAT
(TANPA PENYERTAAN DALAM KEUNTUNGAN)**

NO POLISI BERKELOMPOK : GS118
TARIKH KELUARAN : 18hb Januari 2012
TARIKH PERMULAAN POLISI : 1hb Ogos 2010
ULANG TAHUN POLISI : 1hb Ogos 2011 dan pada tarikh yang sama setiap tahun berikutnya
PEMEGANG POLISI : KONGRESS KESATUAN PEKERJA-PEKERJA DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM
ALAMAT PEMEGANG POLISI : Wisma Cuepacs
34A Jalan Gajah off Jalan Yew
Pudu
55100 Kuala Lumpur, Malaysia
TARIKH PERMOHONAN : 1hb Ogos 2010


SYARIKAT : Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A)
PERUNTUKAN / ENDORMEN KHAS
DIMANA

Pemegang polisi telah membuat permohonan secara bertulis yang bertarikh seperti diatas dimana permohonan dianggap telah dimasukkan dan menjadi sebahagian daripada Polisi ini memohon kepada Syarikat untuk memberikan manfaat yang dirujuk didalam ini. Syarikat dengan ini bersetuju untuk membayar kepada Pemegang polisi manfaat tersebut, dengan tertakluk kepada semua terma, syarat dan peruntukan Polisi ini. Polisi dikeluarkan diatas permohonan Pemegang polisi (satu salinan dilampirkan disini) dan bayaran premium yang berkenaan dan akan berkuatkuasa pada Tarikh Berkuatkuasa Polisi Terma, syarat dan peruntukan didalam mukasurat ini dan berikutnya, termasuk Jadual atau Jadual Insurans yang dilampirkan disini, apa-apa perubahan atau endorsmen atau rider yang dimasukkan pada pengeluaran atau ditambah selepas itu, akan dianggap menjadi sebahagian daripada Polisi.

DALAM MENYAKSIKAN INI, Syarikat telah mengarahkan Polisi ini ditandatangani pada Tarikh Pengeluaran.


..... Pengarah


..... Pengarah


..... Pegawai

Diperiksa oleh: 

GID/ENDR (M)/V0001/062008



KEISTIMEWAAN DAN SYARAT

1. TAKRIF AM DAN TAFSIRAN

1.1 Dalam Polisi ini, apabila konteks membenarkan, lelaki akan termasuk wanita, dan begitu juga, perkataan tunggal akan termasuk perkataan jamak dan begitu juga sebaliknya, perkataan serta ungkapan berikut akan mempunyai maksud berikut melainkan dinyatakan sebaliknya:-

“Kemalangan” bermaksud kejadian yang menyebabkan kecederaan kepada Hayat yang Diasuranskan yang disebabkan semata-mata dan secara langsung kerana kemalangan, keganasan, secara luaran dan ketara yang mana bebas daripada mana-mana sebab lain (kecuali lemas atau kecederaan dalaman yang disahkan melalui autopsi) apabila terdapat lebam atau luka yang ketara pada bahagian luaran badan.

“Kegiatan Kehidupan Harian” bermaksud semua yang berikut:

- (a) Pemindahan
Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- (b) Pergerakan
Keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik tanpa memerlukan sebarang bantuan fizikal.
- (c) Pengawalan buang air besar/kecil
Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing dengan volontari untuk menjaga kebersihan diri.
- (d) Berpakaian
Memakai dan menanggalan semua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan daripada orang lain.
- (e) Mandi/Membasuh
Keupayaan untuk membasuh atau mandi di bilik air (termasuk masuk dan keluar dari bilik air) atau membasuh diri dengan sebarang cara lain.
- (f) Makan
Semua langkah untuk memasukkan makanan ke dalam tubuh apabila ia telah disediakan.

“Asurans” bermaksud Asurans A, Asurans B, Asurans C dan perlindungan insurans lain yang mungkin diberi kepada Hayat yang Diasuranskan seperti dinyatakan dalam Sijil Asurans.

“Asurans A” bermaksud perlindungan asurans bertempoh yang dilampirkan dengan manfaat Kejadian yang Dilindungi seperti diuraikan dalam Fasal 5.1.1 di bawah.

“Asurans B” bermaksud manfaat kemalangan peribadi seperti diuraikan dalam Fasal 5.1.2 di bawah.

“Asurans C” bermaksud Jumlah Nilai Pelaburan yang dibayar seperti diuraikan dalam Fasal 5.1.3 di bawah.

“Anak yang Diasuranskan” bermaksud mana-mana anak Ahli yang belum berkahwin apabila suatu Asurans di bawah Polisi ini telah berkuat kuasa menurut suatu Sijil Asurans.

“Hayat yang Diasuranskan” bermaksud Ahli yang Diasuranskan, Pasangan yang Diasuranskan atau Anak yang Diasuranskan.

“Ahli yang Diasuranskan” bermaksud seseorang Ahli yang mana suatu Asurans di bawah Polisi ini telah berkuat kuasa menurut suatu Sijil Asurans.

“Pasangan yang Diasuranskan” bermaksud pasangan yang dikahwini secara sah menurut undang-undang oleh Ahli dan Asurans di bawah Polisi ini telah berkuat kuasa menurut suatu Sijil Asurans.

- “Ulang Tahun Sijil” bermaksud ulang tahun Tarikh Permulaan Risiko.
- “Pakar Perunding Neurologi” bermaksud seseorang Pengamal Perubatan yang diperakui dalam neurologi dan seorang Fellow daripada Persatuan Neurologi sama ada di United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada atau Australia.
- “Kejadian yang Dilindungi” bermaksud mana-mana 36 kejadian yang dilindungi seperti dinyatakan dan ditakrifkan dalam Fasal 5.1.1.3 di bawah.
- “Diagnosis” bermaksud diagnosis sahih yang dibuat oleh Pengamal Perubatan atau Pakar Perunding Neurologi, berdasarkan bukti tertentu, yang merujuk kepada takrif Kejadian yang Dilindungi tertentu yang terlibat atau, jika ketiadaan bukti tertentu itu, berdasarkan bukti radiologi, klinikal, histologi atau makmal yang diterima oleh Syarikat.
- Diagnosis sedemikian mestilah disokong oleh Pengamal Perubatan Syarikat yang dilantik yang akan memberi pendapatnya berdasarkan bukti perubatan yang diserahkan oleh orang yang menuntut dan/atau sebarang bukti tambahan yang mungkin diperlukan olehnya.
- “Tarikh Matang” berhubung dengan Hayat yang Diasuranskan merujuk kepada tarikh seperti dinyatakan dalam Sijil Asurans yang mana Hayat yang Diasuranskan berhak menerima manfaat matang bagi Asurans yang berkuat kuasa di bawah Polisi ini, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini.
- “Kecederaan” bermaksud kecederaan badan yang disebabkan semata-mata oleh Kemalangan.
- “Kehilangan” bermaksud sebarang Kehilangan yang dinyatakan dalam Jadual Pampasan bagi Polisi ini.
- “Pengamal Perubatan” bermaksud seorang pakar bedah atau pakar perubatan yang mempunyai kelayakan ijazah dalam perubatan barat, mempunyai lesen sah di sisi undang-undang dan berkelayakan dengan sepatusnya untuk mengamalkan perubatan dan pembedahan yang dibenarkan dalam kawasan geografi amalananya, dan juga mempunyai Sijil Amalan Tahunan semasa yang dikeluarkan oleh Majlis Perubatan Malaysia.
- “Ahli” bermaksud seseorang yang diperkenalkan oleh Pemegang Polisi kepada Syarikat yang layak menyertai Polisi ini.
- “Nilai Aset Bersih” merujuk kepada nilai sesuatu Unit Dana seperti ditentukan oleh Syarikat pada suatu hari perniagaan.
- “Polisi” bermaksud polisi ini dan termasuk Sijil Asurans, sebarang kontrak tambahan, endorsmen atau jadual yang terkandung di dalam ini, atau seperti yang mungkin dikeluarkan oleh Syarikat dari semasa ke semasa, sebarang pindaan yang mungkin dibuat, dituluskan dan ditandatangani oleh Syarikat mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya dari semasa ke semasa tanpa memberi notis kepada Pemegang Polisi dan/atau Hayat yang Diasuranskan, borang permohonan/cadangan yang dihantar kepada Syarikat oleh Pemegang Polisi dan/atau Hayat yang Diasuranskan serta sebarang dokumen lain yang disediakan kepada Syarikat berhubung dengan permohonan Asurans, yang membentuk keseluruhan kontrak asurans yang terkandung di dalam ini. Polisi ini tefah berkuat kuasa untuk melindungi sekumpulan Hayat yang Diasuranskan yang mana saiz kumpulan akan ditentukan oleh Syarikat mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya.
- “Ulang Tahun Polisi” bermaksud ulang tahun Tarikh Permulaan Polisi.
- “Tarikh Permulaan Risiko” berhubung dengan Hayat yang Diasuranskan merujuk kepada tarikh yang dinyatakan dalam Sijil Asurans, apabila Asurans bagi Hayat yang Diasuranskan di bawah Polisi ini telah berkuat kuasa.
- “Yuran Perkhidmatan” bermaksud bayaran yang dibayar kepada Pemegang Polisi berdasarkan kadar yang ditentukan oleh Syarikat mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya berdasarkan premium sebenar yang diterima oleh Syarikat berhubung dengan Polisi ini.
- “Jumlah Asurans” berhubung dengan mana-mana Hayat yang Diasuranskan bermaksud amaun Asurans di bawah Polisi ini seperti dinyatakan dalam Sijil Asurans.

"Tarikh Penamatan" berhubung dengan suatu Sijil Asurans bermaksud Tarikh Matang atau tarikh apabila salah satu kejadian berikut berlaku:-

- (a) jika Jumlah Nilai Pelaburan bagi Sijil Asurans adalah kurang atau bersamaan dengan sifar; atau
- (b) semasa kematian Hayat yang Diasuranskan; atau
- (c) apabila Hayat yang Diasuranskan mengalami Hilang Upaya Total dan Kekal; atau
- (d) apabila Hayat yang Diasuranskan didiagnosis mengalami salah satu daripada Kejadian yang Dilindungi; atau
- (e) apabila Hayat yang Diasuranskan memilih untuk menarik balik / menyerahkan Polisi ini; atau
- (f) apabila Polisi ini atau Sijil Asurans ditamatkan menurut terma dan syarat Polisi ini.

"Hilang Upaya Total dan Kekal" atau **"TPD"** ditakrifkan sebagai satu keadaan ketidakupayaan yang:

- (a) menjadi total dan kekal dengan demikian sehingga tidak terdapat dan tiada juga sebarang kerja, pekerjaan atau profesion yang Hayat yang Diasuranskan boleh lakukan atau ikuti dengan secukupnya untuk memperoleh atau mendapatkan sebarang upah, pampasan atau keuntungan; atau
- (b) disebabkan mana-mana yang berikut:
 - (1) hilang penglihatan kedua-dua belah mata secara total dan tidak boleh dipulihkan; atau
 - (2) hilang penggunaan kedua-dua belah anggota pada atau atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki secara total dan tidak boleh dipulihkan; atau
 - (3) hilang penglihatan sebelah mata dan hilang penggunaan satu anggota pada atau atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki secara total dan tidak boleh dipulihkan; atau
- (c) menyebabkan Hayat yang Diasuranskan hilang upaya sedemikian rupa sehingga tidak boleh melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Kegiatan Kehidupan Harian yang disenaraikan secara total dan kekal walaupun dengan menggunakan perkakas mekanikal, peralatan khas atau alat bantu dan alat adaptasi lain yang digunakan untuk orang yang hilang upaya.

Untuk tujuan manfaat ini, perkataan "kekal" bermaksud tiada harapan untuk sembuh dengan pengetahuan dan teknologi perubatan. Kerosakan fungsi kekal akibat daripadanya hendaklah disahkan oleh Pengamal Perubatan dan dipersetujui dengan sepakutnya oleh pegawai perubatan Syarikat.

"Jumlah Nilai Pelaburan" merujuk kepada jumlah nilai berdasarkan Nilai Aset Bersih seperti pada Tarikh Penilaian yang Berikutnya, bagi semua Unit yang diperuntukkan pada Asurans Polisi ini, untuk agregat semua dana yang ditubuhkan oleh Syarikat.

"Perumpukan Unit" bermaksud pecahan premium yang diumpukan untuk membeli Unit, bersamaan dengan premium kasar yang diterima setelah ditolak Yuran Perkhidmatan, jika ada, dan bayaran komisen kepada pengantara, jika ada, seperti yang ditentukan oleh Syarikat mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya.

"Tarikh Penilaian" merujuk kepada satu tarikh yang merupakan hari perniagaan, apabila Syarikat menjalankan penilaian untuk menentukan Nilai Aset Bersih bagi sesuatu Unit; dan **"Tarikh Penilaian yang Berikutnya"**, berhubung dengan sesuatu transaksi tertentu, yang merujuk kepada Tarikh Penilaian sejurus selepas tarikh transaksi itu.

"Tempoh Menunggu" bermaksud enam puluh (60) hari pertama dari Tarikh Permulaan Risiko. Apabila Sijil Asurans telah dikuatkuasakan semula selepas ia loput, Tempoh Menunggu enam puluh (60) hari yang baru akan dikenakan dari tarikh penguatkuasaan semula Sijil Asurans.

- 1.2 Jika tidak diberi secara khusus, tafsiran berikut akan digunakan pada Polisi ini:
 - 1.2.1 Mana-mana rujukan kepada satu "hari perniagaan" adalah satu hari (yang bukan hari Sabtu, Ahad atau Cuti Umum di Kuala Lumpur, Malaysia) yang mana Ibu Pejabat Syarikat dibuka untuk perniagaan di Malaysia dan mana-mana rujukan kepada satu "hari", "minggu", "bulan" atau "tahun" adalah hari, minggu, bulan atau tahun yang menurut kalender Gregorian.
 - 1.2.2 Semua jadual yang dilampirkan pada Polisi ini membentuk sebahagian daripada Polisi ini, tetapi jika terdapat sebarang konflik atau percanggahan di antara jadual dan mana-mana peruntukan Polisi ini, terma dan syarat dalam Hak Istitnewa dan Syarat Polisi ini akan mengatasinya.

2. PERUNTUKAN AM

- 2.1 Sebelum permulaan sebarang Tarikh Permulaan Risiko, Pemegang Polisi hendaklah menyediakan semua maklumat dan bukti yang diperlukan kepada Syarikat mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya berhubung dengan sebarang perkara yang berkaitan dengan permohonan suatu Asurans. Semua dokumen yang disediakan kepada Pemegang Polisi oleh mana-mana Hayat yang Diasuranskan berhubung dengan permohonan Asurans, dan semua rekod serta dokumentasi yang mungkin memberi tanggungan ke atas Polisi ini dan Sijil Asurans, hendaklah sedia didapati oleh Pemegang Polisi untuk pemeriksaan oleh Syarikat pada bila-bila masa.
- 2.2 Ahli dan Pemegang Polisi hendaklah menyediakan semua kenyataan dan maklumat yang mungkin diperlukan oleh Syarikat. Semua kenyataan dan maklumat, permohonan oleh Pemegang Polisi dan/atau Hayat yang Diasuranskan, borang permohonan individu, laporan perubatan, soal selidik tambahan berserta dengan semua kenyataan yang terkandung dalam dokumen tersebut, serta semua kenyataan atau maklumat lain yang telah disediakan dan akan disediakan kepada Pemegang Polisi oleh Hayat yang Diasuranskan dari semasa ke semasa dengan memberi sebarang variasi terhadap butiran diri, kenyataan atau maklumat (apabila variasi tersebut memberi sebarang tanggungan ke atas Asurans), akan menjadi asas Polisi.
- 2.3 Semua premium yang perlu dan hendaklah dibayar di bawah Polisi ini mestilah dibayar dalam Ringgit Malaysia oleh Pernegang Polisi dan/atau Hayat yang Diasuranskan, mengikut kes yang berkenaan, secara terus kepada Syarikat.
- 2.4 Hayat yang Diasuranskan hendaklah membayar premium kepada Syarikat secara potongan dari bank, potongan gaji atau jenis bayaran lain yang ditentukan oleh Syarikat mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya. Jika Ahli yang Diasuranskan bukan lagi seorang Ahli, semua premium yang perlu dan hendaklah dibayar bagi Asurans Ahli yang Diasuranskan dan Asurans Pasangan yang Diasuranskan dan/atau Anak yang Diasuranskan, jika ada, di bawah Polisi ini, mestilah dibayar kepada Syarikat secara potongan dari bank atau jenis bayaran lain yang ditentukan oleh Syarikat mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya. Syarikat berhak menamatkan Asurans Hayat yang Diasuranskan jika jenis bayaran yang dinyatakan dalam Seksyen 2.4 ini atau seperti ditentukan oleh Syarikat dari semasa ke semasa tidak dipatuhi oleh Hayat yang Diasuranskan.
- 2.5 Jika Pemegang Polisi memilih untuk membayar premium melalui cek, cek tersebut hendaklah dibayar atas nama Syarikat dan nombor polisi berkelompok mestilah dinyatakan dengan jelas pada bahagian belakang cek.
- 2.6 Asurans yang berkuat kuasa di bawah Polisi ini adalah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia. Suatu pelepasan dan/atau penerimaan yang diberi kepada Syarikat oleh:
 - 2.6.1 Pemegang Polisi; atau
 - 2.6.2 Hayat yang Diasuranskan; atau

- 2.6.3 mana-mana individu yang dibenarkan dengan sewajarnya secara bertulis oleh Pemegang Polisi dan/atau Hayat yang Diasuranskan untuk bertindak bagi pihak dirinya; atau
- 2.6.4 mana-mana individu yang mengikut anggapan Syarikat sebagai berhak ke atas sebarang pembayaran yang perlu dibayar di bawah Polisi ini, menurut peruntukan Akta Insurans 1996 (Akta 553);
adalah pelepasan yang baik, sah dan mencukupi kepada Syarikat berhubung dengan sebarang pembayaran yang dibuat oleh Syarikat di bawah Polisi. Suatu senarai penandatangan yang dibenarkan bagi Pemegang Polisi hendaklah disediakan kepada Syarikat, jika perlu, dan dikemas kini apabila diperlukan.
- 2.7 Tiada ejen atau broker dibenarkan untuk membuat atau mengubah Polisi ini, bagi melanjutkan masa pembayaran premium, mengetepikan sebarang peluputan atau pelucuthakan, mengetepikan sebarang hak atau keperluan Syarikat, atau mengikat Syarikat dengan membuat sebarang janji atau menerima sebarang representasi atau maklumat berhubung dengan Polisi ini. Polisi ini tidak boleh diubah melainkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang dilakukan secara bertulis atau individu lain yang dilantik dengan sewajarnya oleh Lembaga Syarikat bagi tujuan tersebut.

3. SYARAT AM

3.1 Dokumen Polisi

Pemegang Polisi hendaklah menyerahkan Polisi asal kepada Syarikat sekiranya diminta berbuat demikian, sama ada ia diperlukan, antara lain, membuat sebarang sokongan, mengecap, tujuan rujukan atau sebaliknya.

3.2 Umur Kemasukan yang Layak

- 3.2.1 Asurans boleh ditawarkan kepada Ahli yang Diasuranskan dan Pasangan yang Diasuranskan yang berumur di antara sembilan belas (19) tahun hari jadi berikutnya hingga lima puluh lima (55) tahun hari jadi berikutnya dan Anak yang Diasuranskan yang berumur tiga puluh (30) hari ke atas tetapi di bawah sembilan belas (19) tahun hari jadi berikutnya. Bagi anak yang masih melanjutkan pelajaran peringkat tinggi sepenuh masa dan belum bekerja sepenuhnya, umur kelayakan maksimum adalah dua puluh tiga (23) tahun hari jadi berikutnya.
- 3.2.2 Ahli mestilah diinsuranskan terlebih dahulu di bawah Polisi ini sebelum sebarang Asurans boleh ditawarkan kepada Pasangan yang Diasuranskan atau Anak yang Diasuranskan.
- 3.2.3 Sekiranya Hayat yang Diasuranskan adalah Anak yang Diasuranskan, Anak yang Diasuranskan layak diinsuranskan di bawah Polisi ini hanya jika Pasangan yang Diasuranskan dan semua adik-beradik yang lebih muda bagi Anak yang Diasuranskan yang layak, telah diinsuranskan di bawah Polisi ini. Sebarang variasi atau penepian sebelum ini adalah mengikut budi bicara tunggal dan mutlak Syarikat.

3.3 Keperluan Keterangan

- 3.3.1 Bukti umur berdokumen Hayat yang Diasuranskan dan bukti lain yang memuaskan kepada Syarikat diperlukan sebelum sebarang manfaat berhubung dengan Asurans boleh dibayar di bawah Polisi ini. Sekiranya tiada sijil kelahiran, kad pengenalan boleh diterima sebagai keterangan.

3.3.2 Jika umur sebenar Hayat yang Diasuranskan di luar lingkungan umur yang dinyatakan dalam Fasal 3.2 di atas, tiada Asurans akan diberi di bawah Polisi ini dan premium berhubung dengan Hayat yang Diasuranskan akan dibayar balik tanpa faedah.

3.4 Manfaat Asurans yang Sama

- 3.4.1 Setiap Hayat yang Diasuranskan yang layak berhak memilih jumlah asurans bagi Asurans yang akan melindunginya di bawah Sijil Asurans, tertakluk kepada pengeluaran bukti boleh diinsuranskan dalam bentuk dan cara yang ditentukan serta memuaskan Syarikat mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya, dan tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini.
- 3.4.2 Jika bukti boleh diinsuranskan yang dihantar berhubung dengan Hayat yang Diasuranskan adalah tidak memuaskan atau jika Hayat yang Diasuranskan terlibat dengan risiko khas atau bahaya daripada perubatan atau sebab lain, Syarikat akan mengubahsuai terma penerimaan Asurans atau mengumpukkan jumlah asurans yang lebih kecil daripada yang diminta oleh Hayat yang Diasuranskan. Kebenaran oleh Hayat yang Diasuranskan agar Syarikat dapat mengubahsuai terma penerimaan atau perumpukan jumlah asurans yang lebih kecil kepadanya menjadi syarat perlindungan di bawah Asurans.
- 3.4.3 Jika bukti boleh diinsuranskan yang memuaskan sedemikian tidak diberi atau jika Hayat yang Diasuranskan dianggap tidak boleh diinsuranskan oleh Syarikat mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya, Asurans tidak akan berkuat kuasa di bawah Polisi ini.

3.5 Manfaat Maksimum bagi Pasangan yang Diasuranskan dan Anak yang Diasuranskan

Pasangan yang Diasuranskan dan Anak yang Diasuranskan tidak layak mendapat Asurans dengan jumlah asurans yang lebih tinggi daripada Ahli yang Diasuranskan.

3.6 Apabila Asurans Berkuat Kuasa

Asurans berhubung dengan setiap Hayat yang Diasuranskan hanya berkuat kuasa apabila keperluan berikut dipenuhi:-

- 3.6.1 Syarikat menerima cadangan untuk asurans secara bertulis; dan
3.6.2 Syarikat telah menerima premium pertama bagi Asurans di bawah Polisi ini.

3.7 Apabila Asurans Boleh Dibayar

Sebarang manfaat yang dibayar di bawah Polisi ini hanya dibayar jika Asurans Hayat yang Diasuranskan adalah sah dan berkuat kuasa semasa berlaku kejadian yang menyebabkan tuntutan, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini serta Sijil Asurans.

3.8 Penamatkan suatu Asurans

Asurans berhubung dengan seseorang Hayat yang Diasuranskan akan ditamatkan pada Tarikh Penamatkan seperti ditakrifkan dalam Fasal 1.1 di atas.

3.9 Penarikan Balik / Serahan Asurans Hayat yang Diasuranskan

Apabila Asurans bagi Ahli yang Diasuranskan di bawah Polisi ini telah ditarik balik / diserahkan, Asurans bagi Pasangan yang Diasuranskan dan Anak yang Diasuranskan bagi Ahli yang Diasuranskan tersebut akan ditamatkan secara automatik.

3.10 Tempoh Tenggang

- 3.10.1 Hayat yang Diasuranskan dibenarkan untuk membayar premium selanjutnya dari setiap tarikh premium perlu dibayar sehingga sembilan puluh (90) hari ("Tempoh Tenggang") di bawah Sijil Asurans.
- 3.10.2 Jika suatu tuntutan berlaku dalam Tempoh Tenggang sebelum premium dibayar, Sijil Asurans adalah sah dan berkuat kuasa seolah-olah premium telah dibayar. Namun, sebarang amaran hutang di bawah Sijil Asurans akan ditolak dari bayaran tuntutan yang boleh dibayar.
- 3.10.3 Selepas Tempoh Tenggang tamat, Sijil Asurans akan luput akibat premium tidak dibayar yang menyebabkan Jumlah Nilai Pelaburan kurang daripada atau bersamaan dengan sifar.

3.11 Penguatkuasaan Semula Asurans

Jika suatu Sijil Asurans ditamatkan akibat Jumlah Nilai Pelaburan kurang daripada atau bersamaan dengan sifar, Asurans tersebut boleh dikuatkuasakan semula dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh penamatkan, atas permintaan Hayat yang Diasuranskan dan mengikut budi bicara tunggal dan mutlak Syarikat, tertakluk kepada terma dan syarat berikut:-

- 3.11.1 bukti boleh diinsuranskan yang memuaskan telah diberi kepada Syarikat dan jika sebarang laporan perubatan atau ujian adalah diperlukan oleh Syarikat, Hayat yang Diasuranskan hendaklah menanggung kos laporan perubatan dan ujian; dan
- 3.11.2 Hayat yang Diasuranskan mestilah memaklumkan sebarang perubahan kesihatan atau sebarang keadaan yang mungkin mempengaruhi kesihatan Hayat yang Diasuranskan sehingga tarikh penguatkuasaan semula, jika ada, kepada Syarikat; dan
- 3.11.3 Syarikat menerima semua premium yang belum dibayar sehingga tarikh penguatkuasaan semula, jika ada; dan
- 3.11.4 sebarang syarat lain yang mungkin dikenakan oleh Syarikat pada masa yang material. Sijil Asurans yang ditamatkan tidak dianggap sebagai dikuatkuasakan semula melainkan Syarikat telah meluluskan penguatkuasaan semula secara bertulis, jika ada, mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya.

3.12 Penamaan

Seseorang Hayat yang Diasuranskan yang layak menurut Undang-undang, boleh menamakan seorang orang biasa untuk menerima wang polisi apabila berlaku kematian. Jika Hayat yang Diasuranskan bukan Muslim, penamaan olehnya akan mewujudkan amanah yang memihak kepada penama yang mana wang polisi akan dibayar ketika kematianya, dengan syarat:

- (a) penama adalah pasangan suami/isteri atau anak Hayat yang Diasuranskan; atau
- (b) jika tidak ada pasangan suami/isteri atau anak yang hidup semasa membuat penamaan, penama itu adalah ibu bapa Hayat yang Diasuranskan.

Jika Hayat yang Diasuranskan seorang Muslim, penama akan menerima wang polisi yang dibayar ketika kematianya sebagai seorang wasi dan bukan semata-mata sebagai waris tunggal dan hendaklah membahagikan wang polisi menurut Undang-undang Islam.

3.13 Tempoh Memerhati Bebas

- 3.13.1 Sijil Asurans boleh dibatalkan dengan memulangkannya kepada Syarikat dengan tangan atau pos berdaftar dalam tempoh lima belas (15) hari selepas diterima oleh Hayat yang Diasuranskan yang mana Syarikat akan membayar balik semua yang berikut:
 - (a) sebarang amaun premium yang belum diperuntukkan untuk membeli Unit; dan
 - (b) Jumlah Nilai Pelaburan bagi Sijil Asurans, jika ada; dan
 - (c) jumlah nilai Unit yang ditolak untuk Caj Insurans dan Yuran Polisi berdasarkan Nilai Aset Bersih pada Tarikh Penilaian yang berikutnya.
- 3.13.2 Syarikat berhak menolak semua bayaran perubatan yang ditanggung semasa penilaian risiko di bawah Asurans sebelum membuat pembayaran balik kepada Hayat yang Diasuranskan.
- 3.13.3 Untuk tujuan menentukan tempoh lima belas (15) hari, Sijil Asurans akan dianggap telah dihantar dan diterima oleh Syarikat pada tarikh ia dihantar dengan tangan atau tarikh pos jika ia dihantar melalui pos berdaftar.

3.14 Bunuh Diri

Jika Hayat yang Diasuranskan, sama ada waras atau tidak waras, membunuh diri dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Permulaan Risiko atau dari tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana-mana yang kemudian, Sijil Asurans berhubung dengan Hayat yang Diasuranskan akan terbatas. Di bawah keadaan tersebut, tanggungjawab Syarikat terhad kepada pembayaran balik perkara berikut:

- 3.14.1 amaun sebarang premium yang belum diperuntukkan untuk membeli Unit; dan
- 3.14.2 Jumlah Nilai Pelaburan bagi Sijil Asurans, jika ada; dan
- 3.14.3 jumlah nilai Unit yang ditolak untuk Caj Insurans dan Yuran Polisi berdasarkan Nilai Aset Bersih seperti pada Tarikh Penilaian yang Berikutnya.

3.15 Tidak Boleh Dipertikaikan

- 3.15.1 Syarikat tidak akan mempertikaikan kesahihan Sijil Asurans dalam sepånjang hidup Hayat yang Diasuranskan selepas satu (1) tahun dari Tarikh Permulaan Risiko atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula Sijil Asurans, mana-mana yang kemudian, melainkan terdapat penipuan.
- 3.15.2 Jika dalam sebarang keadaan, Sijil Asurans menjadi tidak sah atau batal atas apa jua sebab (kecuali bagi Fasal 3.14 di atas), tanggungjawab Syarikat terhad kepada pembayaran balik Jumlah Nilai Pelaburan bagi Sijil Asurans, jika ada, setelah ditolak perbelanjaan yang mungkin ditanggung bagi pemeriksaan perubatan bagi Hayat yang Diasuranskan.

3.16 Takrif Hilang Upaya Total dan Kekal bagi Anak yang Diasuranskan sebelum umur lapan belas (18) tahun hari jadi berikutnya

Takrif TPD yang dinyatakan dalam Fasal 1.1 di atas tidak akan digunakan kepada Anak yang Diasuranskan di bawah umur lapan belas (18) tahun hari jadi berikutnya. Bagi Anak yang Diasuranskan berumur di bawah lapan belas (18) tahun hari jadi berikutnya, takrif TPD berikut akan digunakan:-

- “Hilang Upaya Total dan Kekal ditakrifkan sebagai satu keadaan ketidakupayaan yang:
- (a) total dan kekal dan yang memerlukan Hayat yang Diasuranskan, untuk baki hayat semula jadinya, bergantung kepada rawatan dan perhatian perubatan yang tetap dan terpaksa lantar di rumah, hospital atau institusi yang serupa; atau

- (b) dianggap disebabkan mana-mana yang berikut:
 - (1) hilang penglihatan kedua-dua belah mata secara total dan tidak boleh dipulihkan; atau
 - (2) hilang penggunaan kedua-dua belah anggota pada atau atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki secara total dan tidak boleh dipulihkan; atau
 - (3) hilang penglihatan sebelah mata dan hilang penggunaan satu anggota pada atau atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki secara total dan tidak boleh dipulihkan; atau
- (c) menyebabkan Anak yang Diasuranskan hilang upaya sedemikian rupa sehingga tidak boleh melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Kegiatan Kehidupan Harian yang disenaraikan secara total dan kekal walaupun dengan menggunakan perkakas mekanikal, peralatan khas atau alat bantu dan alat adaptasi lain yang digunakan untuk orang yang hilang upaya.

Untuk tujuan manfaat ini, perkataan "kekalkan" bermaksud tiada harapan untuk sembuh dengan pengetahuan dan teknologi perubatan semasa penerimaan tuntutan. Kerosakan fungsi kekal akibat daripadanya hendaklah disahkan oleh Pengamal Perubatan dan dipersetujui dengan sepatutnya oleh pegawai perubatan Syarikat."

3.17 Pembayaran Balik Yuran Perkhidmatan

- 3.17.1 Semua Yuran Perkhidmatan yang diterima oleh Pemegang Polisi berhubung dengan premium yang dibayar balik atau akan dibayar balik oleh Syarikat untuk apa jua sebab, akan dibayar balik oleh Pemegang Polisi kepada Syarikat dalam tempoh empat belas (14) hari dari permintaan Syarikat.
- 3.17.2 Syarikat berhak menolak Yuran Perkhidmatan tersebut atau sebahagian daripadanya dengan sebarang amanah yang dibayar oleh Syarikat kepada Pemegang Polisi, jika Yuran Perkhidmatan tersebut tidak diterima oleh Syarikat dalam tempoh yang dinyatakan di atas. Tiada apa dapat mempengaruhi hak atau remedii Syarikat di bawah Polisi ini atau Sijil Asurans atau undang-undang.

3.18 Pindaan Syarat Polisi

- 3.18.1 Terma dan syarat Polisi ini boleh dipinda atau diubah oleh Syarikat pada bila-bila masa selepas memberi notis bertulis tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada Pemegang Polisi dan/atau Hayat yang Diasuranskan, mengikut kes yang berkenaan.
- 3.18.2 Selepas notis bertulis tiga (3) bulan telah tamat tempoh, sebarang pindaan tersebut akan mengikat kepada Pemegang Polisi dan semua Hayat yang Diasuranskan sama ada diasuranskan di bawah Polisi ini sebelum atau pada atau selepas tarikh berkuat kuasa bagi pindaan tersebut.

3.19 Notis Penamatian

- 3.19.1 Syarikat berhak menamatkan Polisi ini pada bila-bila masa mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya dengan memberi notis bertulis satu (1) bulan terlebih dahulu kepada Pemegang Polisi dan/atau Hayat yang Diasuranskan, mengikut kes yang berkenaan, bagi mana-mana kejadian berikut:
 - 3.19.1.1 jika terdapat sebarang pelanggaran terma dan syarat Polisi ini oleh Pemegang Polisi; atau
 - 3.19.1.2 jika sebarang maklumat atau dokumen yang disediakan oleh Pemegang Polisi kepada Syarikat di bawah Fasal 2.2 di atas didapati tidak tepat atau tidak benar.

- 3.19.2 Namun, jika bilangan Hayat yang Diasuranskan di bawah Polisi ini adalah kurang daripada seratus (100) Hayat yang Diasuranskan pada bila-bila masa, Syarikat berhak menamatkan Polisi ini mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya dengan memberi notis bertulis tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada Pemegang Polisi dan/atau Hayat yang Diasuranskan, mengikut kes yang berkenaan.
- 3.19.3 Dalam mana-mana keadaan apabila berlaku pelanggaran terma dan syarat Polisi ini atau peruntukan yang tidak tepat atau maklumat yang tidak betul atau telah dilakukan oleh mana-mana Hayat yang Diasuranskan, Syarikat berhak menamatkan Sijil Asurans berhubung dengan Hayat yang Diasuranskan dengan memberi notis bertulis secara serta-merta kepada Pemegang Polisi dan/atau Hayat yang Diasuranskan, mengikut kes yang berkenaan.
- 3.19.4 Selepas penamatan Polisi ini dan/atau Sijil Asurans, Syarikat akan membayar Jumlah Nilai Pelaburan, jika ada, bagi setiap Sijil Asurans di bawah Polisi ini kepada Hayat yang Diasuranskan masing-masing.

3.20 Penerimaan Arahān

Syarikat hanya akan menerima arahan, permintaan atau notis apabila borang, dokumen, maklumat dan persetujuan seperti yang dikehendaki oleh Syarikat, telah diterima.

3.21 Kediaman, Pekerjaan dan Perjalanan

Asurans di bawah Polisi ini bebas daripada sekatan yang berhubung dengan kediaman, pekerjaan dan perjalanan.

3.22 Notis dan Surat-Menyurat

- 3.22.1 Sebarang notis, permintaan, arahan atau surat-menyurat yang dikeluarkan oleh Syarikat di bawah nama Pemegang Polisi atau Hayat yang Diasuranskan, hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Pemegang Polisi atau Hayat yang Diasuranskan, mengikut kes yang berkenaan, pada alamat yang dinyatakan dalam cadangan untuk asurans atau alamat lain yang mungkin dimaklumkan secara bertulis oleh Pemegang Polisi atau Hayat yang Diasuranskan masing-masing dan ia dianggap notis yang baik, sah serta mencukupi.
- 3.22.2 Sebarang notis, permintaan, arahan atau surat-menyurat yang diberi oleh Syarikat boleh dihantar melalui pos biasa, pos berdaftar pra-bayar atau diserahkan sendiri kepada Pemegang Polisi atau Hayat yang Diasuranskan, mengikut kes yang berkenaan dan hendaklah dianggap sebagai telah diterima secara muktamad:
 - 3.22.2.1 dalam hal serahan sendiri, pada hari serahan; dan
 - 3.22.2.2 dalam hal pos biasa atau pos berdaftar pra-bayar, tujuh (7) hari selepas tarikh pos, jika pos dalam negeri, dan empat belas (14) hari, jika pos ke luar negara.
- 3.22.3 Jika sebarang notis, permintaan, arahan atau surat-menyurat tidak dapat diserahkan kepada Pemegang Polisi atau Hayat yang Diasuranskan, mengikut kes yang berkenaan, serta dikembalikan semula selepas Syarikat telah membuat tiga atau lebih percubaan berturut-turut untuk menyerahkannya kepada Pemegang Polisi dan/atau Hayat yang Diasuranskan, Syarikat boleh menahan semua notis, permintaan, arahan atau surat-menyurat seterusnya mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya, atas risiko Pemegang Polisi dan/atau Hayat yang Diasuranskan sendiri, sehingga Syarikat telah diberitahu oleh Pemegang Polisi atau Hayat yang Diasuranskan, mengikut kes yang berkenaan, mengenai alamat yang baru.

3.23 Penangguhan Perdagangan

Dengan pengecualian pembayaran manfaat kematian, Syarikat berhak menangguhkan pembatalan atau pembelian Unit dalam Dana untuk satu tempoh tidak melebihi enam (6) bulan jika ia diperlukan untuk sebarang tujuan, di bawah keadaan yang dianggap terkecuali termasuk tetapi tidak terhad kepada semua keadaan berikut:

- 3.23.1 mana-mana tempoh apabila sebarang aset yang membentuk sebahagian daripada Dana yang disenaraikan atau diurusniagakan telah ditutup (selain daripada cuti biasa) atau semasa perdagangan dilarang atau ditangguhkan buat sementara waktu; atau
- 3.23.2 kewujudan sebarang bentuk perhubungan yang menurut pendapat Syarikat mungkin memberi prasangka serius terhadap minat Pemegang Polisi dan/atau Hayat yang Diasuranskan; atau
- 3.23.3 sebarang kegagalan dalam komunikasi yang biasanya digunakan untuk menentukan harga Unit Dana atau apabila harga sebarang Unit dalam Dana tidak boleh dipastikan dengan segera dan tepat untuk sebarang sebab; atau
- 3.23.4 mana-mana tempoh apabila perdagangan Unit dalam Dana ditangguhkan menurut sebarang perintah atau arahan pihak berkuasa yang berkaitan; atau
- 3.23.5 mana-mana tempoh apabila operasi perniagaan Syarikat yang berkaitan dengan sebahagian besar operasi Dana telah terganggu atau ditutup akibat atau timbul daripada wabak, tindakan peperangan, keganasan, pemberontakan, revolusi, pergolakan awam, rusuhan, mogok atau tindakan Tuhan.

3.24 Timbang tara

Semua perbezaan yang timbul daripada Polisi ini atau secara iringan padanya atau dengan ini memberi kesan pada Asurans akan dirujuk dengan penimbangtaraan di Malaysia oleh seorang penimbang tara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak yang terlibat, atau jika mereka tidak dapat bersetuju dengan seorang penimbang tara, hingga dua penimbang tara, seorang hendaklah dilantik secara bertulis oleh setiap satu pihak, dan penimbang tara tersebut hendaklah melantik seorang pengadil sebelum menjalankan penyiasatan mereka. Dalam semua hal lain, penimbangtaraan akan tertakluk kepada peruntukan berkanun yang berkuasa di Malaysia berkaitan dengan timbang tara. Tiada tindakan atau prosiding undang-undang lain boleh dilakukan berhubung dengan sebarang tuntutan atau disebabkan Polisi ini melainkan dan sehingga keputusan telah dibuat. Namun, tiada suatu pun dalam Polisi ini akan menghalang mana-mana pihak untuk mendapatkan interlokutori segera atau bantuan injunksi daripada Mahkamah di Malaysia. Selepas tamat tempoh dua (2) tahun dari tarikh sebarang kejadian yang menimbulkan sesuatu tuntutan di bawah Polisi ini, Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadapnya melainkan Syarikat telah mengakui liabiliti berhubung dengan tuntutan tersebut atau tuntutan itu telah dirujuk untuk timbang tara pada masa yang sama.

3.25 Undang-Undang yang Mengawal

- 3.25.1 Polisi ini akan dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan Mahkamah Malaysia akan mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Polisi ini.
- 3.25.2 Syarikat berhak meminda terma dan syarat Polisi ini (kecuali Fasal 3.18 di atas) pada bila-bila masa dengan mematuhi sebarang perubahan perundangan, pengubahaan atau pindaan berkanun yang digubal dari semasa ke semasa, dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada Pemegang Polisi atau Hayat yang Diasuranskan menurut fasal ‘Notis dan Surat-Menyerat’ dalam Hak Istimewa dan Syarat ini.

3.26 Penamatian Polisi

Syarikat berhak menganggap Polisi ini ditutup bagi permohonan masa depan pada bila-bila masa, mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya dengan memberi notis bertulis tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada Pemegang Polisi. Tiada permohonan yang diterima oleh Syarikat akan diproses atau diterima oleh Syarikat selepas notis tiga (3) bulan tersebut tamat tempoh.

4. PERUNTUKAN BERKAITAN DANA

MAKLUMAT DANA (Fasal 4.1 – 4.6)

4.1 Jenis Dana

- 4.1.1 Untuk menentukan manfaat yang boleh dibayar di bawah Polisi ini, Syarikat telah menubuhkan dana berikut (“Dana” atau “Dana-Dana” mengikut kes yang berkenaan) bersama-sama dengan objektif mereka masing-masing:

4.1.1.1 Dana Lion Progressive

Dana yang melabur dalam campuran ekuiti (julat di antara 50% hingga 90%) dan sekuriti pendapatan tetap. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, pada tahap mudah ubah sederhana hingga tinggi.

4.1.1.2 Dana Lion Balanced

Dana yang melabur dalam campuran ekuiti (julat daripada 40% hingga 60%) dan sekuriti pendapatan tetap. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, pada tahap mudah ubah sederhana.

4.1.1.3 Dana Lion Fixed Income

Dana yang melabur dalam sekuriti pendapatan tetap seperti bon kerajaan dan korporat (julat di antara 40% hingga 95%) dengan baki dilaburkan dalam bentuk tunai dan yang setara dengan tunai. Dana ini bertujuan untuk menyediakan pulangan yang konsisten pada tahap mudah ubah rendah.

4.1.1.4 Dana Lion Strategic

Dana yang melabur dalam campuran ekuiti, sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang. Terdapat fleksibiliti dalam peruntukan aset memandangkan dana ini boleh melabur secara tunggal dalam sekuriti pendapatan tetap atau ekuiti. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, dengan tahap mudah ubah sederhana.

4.1.1.5 Dana Gemilang

Dana yang mana 80% hingga 100% pelaburan terdiri daripada ekuiti, yang boleh mudah ubah dalam jangka pendek. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang. Walaupun sebahagian besar pelaburan dana dijalankan di Malaysia (50% hingga 100%), sebahagian pelaburan mungkin dijalankan di Singapura (sehingga 25%) dan Hong Kong (sehingga 25%), jika dan apabila perlu, bagi meningkatkan pulangan dana. Dana ini hanya melabur dalam sekuriti yang mematuhi Syariah.

- 4.1.2 Setiap Dana disebut dalam Unit ("Unit" atau "Unit-Unit" mengikut kes yang berkenaan) yang sama nilainya. Nilai setiap Unit akan naik turun dari semasa ke semasa.
- 4.1.3 Syarikat boleh menubuhkan Dana tambahan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya. Di bawah keadaan tersebut, peruntukan Polisi ini akan digunakan (melainkan jika ia tidak sesuai) pada Dana tambahan itu.

4.2 Pentadbiran Dana

- 4.2.1 Syarikat boleh melaburkan aset Dana mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya.
- 4.2.2 Pendapatan daripada aset Dana akan dikreditkan ke dalam Dana masing-masing.
- 4.2.3 Syarikat boleh mengeluarkan Unit baru atau membatalkan Unit dalam mana-mana atau semua Dana pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.
- 4.2.4 Syarikat berhak untuk menarik balik atau menutup mana-mana Dana seperti yang disenaraikan dalam fasal kecil 4.1.1 di atas (tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan, jika berkenaan). Dalam hal tersebut, Hayat yang Diasuranskan yang mempunyai Unit dalam Dana tertentu tersebut boleh memilih sama ada untuk menebus Unit itu atau mengarahkan Syarikat untuk menukar Unit itu kepada Unit dalam mana-mana Dana lain yang ditawarkan oleh Syarikat pada masa itu.
Jika Syarikat tidak menerima sebarang arahan secara bertulis daripada Pemegang Polisi dalam tempoh yang ditetapkan sebelum penarikan balik atau penutupan Dana itu, Syarikat berhak menukar Unit yang tinggal dalam Dana tertentu bagi Polisi ini kepada mana-mana Dana lain yang ditawarkan oleh Syarikat pada masa itu.
- 4.2.5 Syarikat berhak menamakan semula mana-mana Dana jika ia dianggap perlu dan bersesuaian.
- 4.2.6 Syarikat boleh menjalankan satu pelaksanaan untuk menggabungkan dan/atau memisahkan Unit bagi satu atau lebih Dana untuk membawa satu penambahan (dalam hal penggabungan Unit tersebut) atau satu pengurangan (dalam hal pemisahan Unit tersebut) dalam harga bagi setiap Dana yang terlibat jika ia dianggap perlu dan bersesuaian. Pelaksanaan itu akan dijalankan dengan cara dan syarat seperti yang ditentukan oleh Syarikat mengikut budi bicara mutlaknya dengan syarat nilai tunai pelaburan di bawah Polisi ini tidak akan terjejas dengan apa jua cara akibat pelaksanaan itu.
- 4.2.7 Syarikat boleh mewakilkan pentadbiran Dana kepada mana-mana individu atau organisasi pengurusan dana mengikut syarat yang ditetapkan oleh Syarikat.
- 4.2.8 Sebarang perubahan yang dilakukan kepada pengurusan Dana termasuk dan tidak terhad kepada objektif Dana, strategi, peruntukan aset dan strategi pengurusan risiko dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada Pemegang Polisi atau Hayat yang Diasuranskan menurut fasal 'Notis dan Surat-Menyurat' dalam Hak Istimewa dan Syarat ini.

4.3 Harga Unit

- 4.3.1 Setiap Unit Dana akan mempunyai Nilai Aset Bersih seperti ditentukan oleh Syarikat yang akan menjadi muktamad serta tidak dapat dipertikaikan dan mengikat ke atas Hayat yang Diasuranskan.
- 4.3.2 Syarikat akan menilai setiap Unit Dana setiap hari, yang juga merupakan satu hari perniagaan, untuk menentukan Nilai Aset Bersih.

- 4.3.3 Syarikat akan menentukan Nilai Aset Bersih yang tidak akan kurang daripada nilai bagi Dana tertentu (seperti ditentukan di bawah Fasal 4.4 di bawah), dibahagi dengan bilangan Unit bagi Dana tertentu yang dikeluarkan pada hari perniagaan sebelum Tarikh Penilaian. Hasilnya akan dibulatkan ke bawah persepuhlun sen yang terhampir.
- 4.3.4 Syarikat akan menerbitkan Nilai Aset Bersih yang terkini setiap hari dalam mana-mana surat khabar yang diedarkan di Malaysia dalam format demikian dan butiran serta maklumat yang ditetapkan olehnya.

4.4 Penilaian Dana

- 4.4.1 Nilai setiap Dana akan dikira sebagai jumlah bagi:
 - 4.4.1.1 nilai aset (seperti diuraikan dalam fasal kecil 4.4.2 di bawah) yang membentuk Dana itu;
 - 4.4.1.2 pegangan tunai yang tidak dilaburkan dalam Dana pada hari perniagaan sebelum Tarikh Penilaian;
 - 4.4.1.3 pendapatan akru atau yang didapati daripada Dana pada hari perniagaan sebelum Tarikh Penilaian; dan selepas penolakan (seperti dinyatakan dalam Fasal 4.5.1 di bawah) pada hari perniagaan sebelum Tarikh Penilaian.
- 4.4.2 Nilai aset mestilah tidak kurang daripada harga pasaran yang mana aset itu mungkin dijual pada hari perniagaan sebelum Tarikh Penilaian, selepas menolak sebarang caj, cukai, duti dan perbelanjaan lain yang mungkin ditanggung dalam penjualannya.
- 4.4.3 Bilangan Unit yang diperuntukkan kepada mana-mana satu Hayat yang Diasuranskan di bawah Sijil Asurans akan dibulatkan kepada lima (5) tempat perpuluhan yang paling hampir.

4.5 Penolakan Dana

- 4.5.1 Syarikat akan menolak sejumlah bayaran daripada setiap Dana untuk membayar:
 - 4.5.1.1 Caj Pengurusan Dana; dan
 - 4.5.1.2 semua perbelanjaan, cukai, duti dan bayaran lain yang ditanggung dalam pembelian, jualan, penilaian dan penyelenggaraan pelaburan Dana; dan sebarang cukai atas pendapatan Dana atau sebarang keuntungan modal atas aset Dana atau peruntukan bagi cukai yang perlu dibayar tetapi belum lagi dibayar, termasuk peruntukan bagi cukai atas keuntungan modal yang belum direalisasi apabila cukai sedemikian hendaklah dibayar jika keuntungan itu direalisasi pada tarikh aset itu dinilai.
- 4.5.2 Amaun Caj Pengurusan Dana yang ditolak pada setiap Tarikh Penilaian akan ditentukan seperti di bawah:

$$\frac{\text{bilangan hari} \times (k\% \times \text{Nilai Dana})}{250}$$

iaitu:

“bilangan hari” merujuk kepada bilangan hari perniagaan serta-merta selepas Tarikh Penilaian sehingga dan termasuk Tarikh Penilaian semasa;
“k%” merujuk kepada peratusan bayaran bagi Dana berkenaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual A bagi Polisi ini; dan
“Nilai Dana” merujuk kepada nilai yang ditentukan oleh Syarikat (seperti yang ditentukan di bawah Fasal 4.4 di atas) bagi Dana berkenaan sebelum penolakan Caj Pengurusan Dana.

- 4.5.3 Caj Pengurusan Dana bagi setiap Dana dinyatakan dalam Jadual A bagi Polisi ini. Syarikat boleh mengubah Caj Pengurusan Dana (tertakluk kepada kelulusan terlebih dahulu oleh pihak berkuasa yang berkaitan, jika berkenaan) dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya enam (6) bulan terlebih dahulu kepada Pemegang Polisi menurut fasal 'Notis dan Surat-Menyurat' dalam Hak Istimewa dan Syarat ini.

4.6 Pembelian Unit

Bagi menentukan Pembelian Unit, Perumpukan Unit akan diselaraskan secara didarab dengan 1.00 dan hasilnya dibulatkan kepada lima (5) titik perpuluhan yang terhampir. Kemudian, Pembelian Unit akan ditentukan dengan merujuk kepada Harga Tawaran yang ditetapkan pada Tarikh Penilaian yang Berikutnya iaitu Unit yang dikira akan dibulatkan kepada dua (2) tempat perpuluhan yang paling hampir.

PREMIUM DAN CAJ (Fasal 4.7 – 4.10)

4.7 Premium

- 4.7.1 Premium Bulanan seperti ditunjukkan dalam Jadual Manfaat yang dilampirkan adalah perlu dan hendaklah dibayar bermula dari Tarikh Permulaan Risiko dan selepas itu pada hari pertama setiap bulan sehingga dan termasuk tarikh premium perlu dibayar sebelum Tarikh Penamatan. Jumlah premium yang perlu dibayar di bawah Polisi ini pada setiap bulan adalah agregat jumlah semua Premium Bulanan perlu dibayar yang berkenaan termasuk semua tunggakan (jika ada) bagi semua Hayat yang Diasuranskan.
- 4.7.2 Sebarang amaun premium yang diterima oleh Syarikat yang tidak bersamaan dengan jumlah asurans sebenar yang digunakan ke atas Hayat yang Diasuranskan dan diluluskan oleh Syarikat, akan dibayar balik tanpa faedah dan Asurans berhubung dengan Hayat yang Diasuranskan tidak akan berkuat kuasa. Sebarang kegagalan atau penangguhan pembayaran balik premium tersebut oleh Syarikat tidak bermaksud sebagai penerimaan cadangan Asurans oleh Syarikat.
- 4.7.3 Jika untuk sebarang sebab premium yang dibayar adalah bagi Asurans yang lupa atau ditamatkan, penerimaan oleh Syarikat tidak membentuk penerimaan premium atau penerusan Asurans tetapi premium yang dibayar akan dibayar balik tanpa faedah, dan Syarikat tiada tanggungjawab berhubung dengan Sijil Asurans tersebut. Namun, sebarang kegagalan atau penangguhan pembayaran balik premium tersebut oleh Syarikat tidak bermaksud sebagai penepian, dan ia tidak membentuk sebarang penerimaan premium oleh Syarikat atau penerusan Asurans.

4.8 Yuran Polisi

- 4.8.1 Syarikat akan menolak Yuran Polisi bulanan bermula dari Tarikh Permulaan Risiko, daripada Jumlah Nilai Pelaburan setiap Sijil Asurans dengan membatalkan Unit yang dinilai mengikut Nilai Aset Bersih pada Tarikh Penilaian yang Berikutnya berikut dari tarikh setiap Yuran Polisi perlu dibayar.
- 4.8.2 Yuran Polisi dinyatakan dalam Jadual A bagi Polisi ini.

4.9 Caj Insurans

- 4.9.1 Syarikat akan menolak Caj Insurans bulanan bermula dari Tarikh Permulaan Risiko, daripada Jumlah Nilai Pelaburan setiap Sijil Asurans dengan membatakan Unit yang dinilai mengikut Nilai Aset Bersih pada Tarikh Penilaian yang Berikutnya berikut dari tarikh setiap Caj Insurans perlu dibayar.
- 4.9.2 Caj Insurans berhubung dengan Jumlah Asurans ke atas Asurans A dan Asurans B bergantung kepada pengalaman tuntutan dan profil umur purata bagi Hayat yang Diasuranskan seperti pada Ulang Tahun Polisi.
- 4.9.3 Kadar standard Caj Insurans setahun dinyatakan dalam Jadual Caj Insurans bagi Polisi ini.

4.10 Kelonggaran untuk Mengubah Kadar Premium dan Caj

Kadar premium, Yuran Polisi dan Caj Insurans adalah tidak dijamin. Syarikat boleh mengubah kadar dan/atau caj ini dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada Pemegang Polisi dan/atau Hayat yang Diasuranskan serta menurut fasal ‘Notis dan Surat-Menyurat’ dalam Hak Istimewa dan Syarat ini. Sebarang peningkatan kadar dan/atau caj akan berkuat kuasa pada Ulang Tahun Polisi serta-merta selepas notis bertulis tiga (3) bulan telah tamat. Namun, bagi sebarang pengurangan kadar dan/atau caj, Syarikat berhak menguatkusakan serta-merta tanpa memberi sebarang notis kepada Hayat yang Diasuranskan dan Pemegang Polisi.

PILIHAN POLISI (Fasal 4.11 – 4.13)

4.11 Penambahan/Pengurangan Jumlah Asurans

Hayat yang Diasuranskan boleh memohon kepada Syarikat untuk menambah atau mengurangkan Jumlah Asurans, tertakluk kepada syarat berikut dan syarat lain yang mungkin dikenakan Syarikat, jika ada:

- 4.11.1 Sebarang permohonan untuk menukar Jumlah Asurans akan berkuat kuasa dari tarikh premium berikutnya perlu dibayar; dan
- 4.11.2 Jumlah Asurans mestilah dalam had Jumlah Asurans yang ditentukan Syarikat.

4.12 Penarikan Balik

Seseorang Hayat yang Diasuranskan yang Asurans untuknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan dan ingin kekal sebagai Hayat yang Diasuranskan di bawah Polisi ini boleh memohon untuk membatakan sejumlah Unit yang diperuntukkan pada Sijil Asurans, tertakluk kepada syarat berikut serta syarat lain yang mungkin dikenakan oleh Syarikat, jika ada:

- 4.12.1 yuran proses sebanyak RM10.00 akan dikenakan bagi setiap urusan pembatalan; dan
- 4.12.2 Syarikat boleh memutuskan untuk tidak membatakan Unit jika:
 - (a) nilai Unit yang dibatakan itu; atau
 - (b) nilai baki Unit yang masih diperuntukkan pada mana-mana Dana di bawah Sijil Asurans,adalah kurang daripada minimum yang dibenarkan oleh Syarikat pada masa itu; dan

- 4.12.3 amaun yang dibayar ketika pembatalan Unit adalah bersamaan dengan nilai Unit yang dibatalkan mengikut Nilai Aset Bersih masing-masing pada Tarikh Penilaian yang Berikutnya selepas Syarikat menerima permintaan Anda dalam borang yang ditetapkan oleh Syarikat pada satu hari perniagaan.

4.13 Serahan

Seseorang Hayat yang Diasuranskan yang tidak mahu kekal sebagai Hayat yang Diasuranskan di bawah Polisi ini boleh memohon untuk membatalkan semua Unit yang diperuntukkan pada Sijil Asurans baginya, tertakluk kepada syarat berikut dan syarat lain yang mungkin dikenakan oleh Syarikat, jika ada;

- 4.13.1 amaun yang dibayar selepas penebusan Unit adalah bersamaan dengan semua Unit yang dibatalkan mengikut Nilai Aset Bersih pada Tarikh Penilaian yang Berikutnya, jika ada,
- 4.13.2 selepas pembayaran amaun yang dibayar di bawah fasal kecil 4.13.1, Asurans berhubung dengan Hayat yang Diasuranskan akan ditamatkan dan semua manfaat serta hak di bawahnya akan dihentikan.

5. PERUNTUKAN MANFAAT

5.1 Manfaat

5.1.1 Asurans A

5.1.1.1 Manfaat Kematian

Semasa Polisi ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada termia dan syarat, selepas menerima dan meluluskan bukti umur dan/atau keterangan lain yang memuaskan kepada Syarikat bahawa Hayat yang Diasuranskan meninggal dunia semasa diinsuranskan di bawah Polisi ini, Syarikat akan membayar jumlah asurans bagi Asurans A (dirujuk sebagai "Jumlah Asurans A") dan Perbelanjaan Pengebumian seperti yang dinyatakan dalam Sijil Asurans, dalam satu jumlah sekali gus. Namun, jika Anak yang Diasuranskan meninggal dunia sebelum mencapai umur lima (5) tahun hari jadi berikutnya pada Ulang Tahun Sijil, amaun Jumlah Asurans A yang dibayar akan disemak semula menurut jadual di bawah:

<u>Umur Hari Jadi Berikut Anak yang Diasuranskan pada Ulang Tahun Sijil Sebelum Kematian</u>	<u>Amaun Jumlah Asurans A yang Disemak Semula</u>
1	20% daripada Jumlah Asurans A
2	40% daripada Jumlah Asurans A
3	60% daripada Jumlah Asurans A
4	80% daripada Jumlah Asurans A

Sebagai tambahan, jika kematian Anak yang Diasuranskan berlaku sebelum Ulang Tahun Sijil pertama, umur hari jadi berikut Anak yang Diasuranskan pada Tarikh Permulaan Risiko akan digunakan untuk menentukan amaun Jumlah Asurans A yang Disemak Semula.

Dengan syarat:

- 5.1.1.1.1 Pemberitahuan kematian mestilah disertakan dengan bukti kematian berdokumen.
- 5.1.1.1.2 Sebarang hutang ke atas Sijil Asurans yang perlu dibayar kepada Syarikat serta sebarang penarikan balik yang dibuat di antara tarikh kematian dan tarikh pemberitahuan kematian akan ditolak daripada jumlah tuntutan yang dibayar.
- 5.1.1.1.3 Bilangan Unit yang dibatalkan untuk membayar Caj Insurans dan Yuran Polisi yang perlu dibayar selepas tarikh kematian akan dikuatkuasakan semula dan Jumlah Nilai Pelaburan akan termasuk nilai Unit ini.
- 5.1.1.1.4 Sijil Asurans akan ditamatkan selepas pemberitahuan kematian dan semua manfaat serta hak di bawahnya akan berhenti.

5.1.1.2 Manfaat Hilang Upaya Total dan Kekal

- 5.1.1.2.1 Semasa Polisi ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, selepas menerima dan meluluskan bukti umur dan/atau keterangan lain yang memuaskan kepada Syarikat bahawa Hayat yang Diasuranskan menjadi Hilang Upaya Total dan Kekal (TPD) sebelum mencapai umur enam puluh lima (65) tahun hari jadi berikutnya pada Ulang Tahun Sijil semasa diinsuranskan di bawah Polisi ini, Syarikat akan mendahulukan Jumlah Asurans A untuk hilang upaya. Namun, jika Anak yang Diasuranskan menjadi Hilang Upaya Total dan Kekal sebelum mencapai umur lima (5) tahun hari jadi berikutnya pada Ulang Tahun Sijil, amaun Jumlah Asurans A yang dibayar akan disemak semula menurut jadual di bawah:

Umur Hari Jadi BerikutAnak yang Diasuranskan padaUlang Tahun Sijil Sebelum

<u>Berlaku Hilang Upaya Total dan Kekal</u>	<u>Amaun Jumlah Asurans A yang Disemak Semula</u>
1	20% daripada Jumlah Asurans A
2	40% daripada Jumlah Asurans A
3	60% daripada Jumlah Asurans A
4	80% daripada Jumlah Asurans A

Dengan syarat agregat amaun jumlah asurans yang dibayar oleh Syarikat bagi manfaat Hilang Upaya Total dan Kekal mestilah tidak melebihi RM500,000 di bawah Polisi ini dan semua polisi lain (termasuk kontrak tambahan, aneksur dan endorsmen, jika ada) yang dikeluarkan Syarikat dengan sebarang nama atau huraian yang menyediakan manfaat Hilang Upaya Total dan Kekal ke atas Anak yang Diasuranskan yang sama.

Sebagai tambahan, jika Anak yang Diasuranskan menjadi Hilang Upaya Total dan Kekal sebelum Ulang Tahun Sijil pertama, umur hari jadi berikut Anak yang Diasuranskan pada Tarikh Permulaan Risiko akan digunakan untuk menentukan Amaun Jumlah Asurans A yang Disemak Semula.

Dengan syarat:

5.1.1.2.1 TPD berhubung dengan mana-mana Hayat yang Diasuranskan mestilah disahkan oleh Pengamal Perubatan yang dilantik oleh Syarikat, sebagai telah berterusan untuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan berturut-turut dari tarikh hilang upaya. Bukti berdokumen yang memuaskan mestilah diberi kepada Syarikat bagi membuktikan hilang upaya tersebut telah berterusan semasa pembayaran ansuran tahunan pertama dan pada setiap pembayaran ansuran tahunan selanjutnya.

5.1.1.2.2 Jika Hayat yang Diasuranskan tidak lagi mengalami Hilang Upaya Total dan Kekal, Syarikat tidak akan meneruskan bayaran pendahuluan tahunan selanjutnya dan semua Asurans ke atas Hayat yang Diasuranskan yang sama akan dibatalkan secara automatik.

5.1.1.2.3 Pembayaran Jumlah Asurans A akan dibuat seperti cara berikut:

- (i) satu jumlah sekali gus tidak melebihi RM500,000 di bawah Polisi ini dan semua polisi berkelompok lain (termasuk kontrak tambahan dan endorsmen, jika ada) yang dikeluarkan oleh Syarikat ke atas Hayat yang Diasuranskan yang sama; dan
- (ii) sebarang jumlah melebihi RM500,000, tetapi tidak melebihi RM1,000,000 di bawah Polisi ini dan semua polisi berkelompok lain (termasuk kontrak tambahan dan endorsmen, jika ada) yang dikeluarkan oleh Syarikat bagi menginsuranskan Hayat yang Diasuranskan yang sama, akan dibayar dalam dua bayaran ansuran tahunan yang sama, yang pertama akan dibayar satu tahun selepas tarikh bayaran jumlah sekali gus yang dinyatakan dalam Fasal 5.1.1.2.3(i) di atas.

Bagi mengelakkan keraguan, amaun agregat jumlah asurans yang dibayat oleh Syarikat bagi manfaat Hilang Upaya Total dan Kekal mestilah tidak melebihi:

- (a) RM1,000,000 di bawah Polisi ini dan semua polisi berkelompok lain (termasuk kontrak tambahan dan endorsmen, jika ada) yang dikeluarkan oleh Syarikat dengan sebarang nama atau huraian yang menyediakan manfaat Hilang Upaya Total dan Kekal ke atas Hayat yang Diasuranskan yang sama; dan
- (b) RM3,500,000 di bawah Polisi ini dan semua polisi berkelompok lain (termasuk kontrak tambahan, aneksur dan endorsmen, jika ada) yang dikeluarkan oleh Syarikat dengan sebarang nama atau huraian yang menyediakan

- mansaht Hilang Upaya Total dan Kekal ke atas Hayat yang Diasuranskan yang sama.
- 5.1.1.2.4 Jika Hayat yang Diasuranskan meninggal dunia sebelum bayaran ansuran terakhir seperti dinyatakan dalam Fasal 5.1.1.2.3 di atas telah dibuat, Syarikat akan membayar baki bayaran ansuran tahunan (jika ada) yang masih belum dibayar dalam suatu jumlah sekali gus.
- 5.1.1.2.5 Semasa tempoh Hayat yang Diasuranskan menjadi Hilang Upaya Total dan Kekal, semua premium masa depan yang sepadan dengan Jumlah Asurans A apabila pembayaran pendahuluan akan dibuat oleh Syarikat akan diketepikan bermula dari Ulang Tahun Sijil yang berikutnya berikutan dengan hilang upaya. Selepas pembayaran setiap bayaran tahunan Jumlah Asurans seperti disediakan dalam Fasal 5.1.1.2.3 di atas, Jumlah Asurans A akan dikurangkan sewajarnya.
- 5.1.1.2.6 Selepas pembayaran setiap bayaran tahunan Jumlah Asurans seperti disediakan dalam Fasal 5.1.1.2.3 di atas, Jumlah Asurans A akan dikurangkan sewajarnya.
- 5.1.1.2.7 Apabila Hayat yang Diasuranskan menjadi TPD, Asurans B akan ditamatkan secara automatik.

5.1.1.3 Manfaat Kejadian yang Dilindungi

Semasa Polisi ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, selepas menerima dan meluluskan bukti umur dan/atau keterangan lain yang memuaskan kepada Syarikat bahawa Hayat yang Diasuranskan didiagnosis dengan suatu Kejadian yang Dilindungi selepas Tempoh Menunggu semasa diinsuranskan di bawah Polisi ini, Syarikat akan membayar Jumlah Asurans A dalam satu jumlah sekali gus. Namun, jika Hayat yang Diasuranskan didiagnosis dengan Kejadian yang Dilindungi sebelum Ulang Tahun Sijil apabila dia mencapai umur lima (5) tahun hari jadi berikutnya, amaun Jumlah Asurans A yang dibayar akan disemak semula menurut jadual di bawah;

<u>Umur Hari Jadi Berikut</u>	<u>Amaun Jumlah Asurans A</u>
<u>Anak yang Diasuranskan</u>	<u>yang Disemak Semula</u>
<u>pada Ulang Tahun Sijil</u>	
<u>Sebelum Berlaku</u>	
<u>Kejadian yang Dilindungi</u>	
1	20% daripada Jumlah Asurans A
2	40% daripada Jumlah Asurans A
3	60% daripada Jumlah Asurans A
4	80% daripada Jumlah Asurans A

Sebagai tambahan, jika Kejadian yang Dilindungi bagi Anak yang Diasuranskan berlaku sebelum Ulang Tahun Sijil pertama, umur hari jadi berikut Anak yang Diasuranskan pada Tarikh Permulaan Risiko akan digunakan untuk menentukan Amaun Jumlah Asurans A yang Disemak Semula.

Dengan syarat:

- 5.1.1.3.1 Tiada manfaat akan dibayar bagi mana-mana Kejadian yang Dilindungi bagi:

- 5.1.1.3.1.1 sebarang keadaan yang sedia wujud atau telah didiagnosis; atau
- (i) semasa Tempoh Menunggu; atau
 - (ii) selepas tamat Tempoh Menunggu tetapi yang berkaitan dengan sesuatu keadaan yang sedia wujud atau telah didiagnosis semasa Tempoh Menunggu; atau
- 5.1.1.3.1.2 tanda atau gejala yang sedia wujud sebelum atau semasa Tempoh Menunggu yang mungkin menyebabkan seseorang yang berfikiran waras untuk mendapat penjagaan atau perhatian perubatan, walaupun keputusan diagnosis mungkin berlaku sebelum atau selepas tamat Tempoh Menunggu.
- 5.1.1.3.2 Tuntutan bagi sesuatu Kejadian yang Dilindungi yang dihuraikan dalam Fasal 5.1.1.3.1.1 dan/atau 5.1.1.3.1.2 di atas tidak akan diterima semata-mata kerana pemberitahuan tuntutan tersebut telah diberi kepada Syarikat selepas tamat Tempoh Menunggu.
- 5.1.1.3.3 Manfaat Kejadian yang Dilindungi hanya akan dibayar sekali sahaja walaupun Hayat yang Diasuranskan mungkin mengalami pelbagai Kejadian yang Dilindungi.
- 5.1.1.3.4 Amaun agregat jumlah asurans yang dibayar oleh Syarikat bagi manfaat Kejadian yang Dilindungi mestilah tidak melebihi RM1,000,000 di bawah Polisi ini dan semua polisi berkelompok lain (termasuk kontrak tambahan dan endorsmen, jika ada) yang dikeluarkan oleh Syarikat dengan sebarang nama atau huraiyan yang menyediakan manfaat Kejadian yang Dilindungi ke atas Hayat yang Diasuranskan yang sama.

Takrif Kejadian Yang Dilindungi

- (1) “Serangan Jantung” : Sebahagian daripada otot jantung (miokardium) mati akibat bekalan darah yang tidak mencukupi dan dibuktikan dengan:-
- (a) Sejarah sakit dada tipikal yang berpanjangan; dan
 - (b) Perubahan elektrokardiografik baru disebabkan peristiwa ini; dan
 - (c) Kenaikan enzim kardium (CPK-MB) di atas paras yang secara amnya diterima oleh makmal sebagai tahap normal.
- Diagnosa berdasarkan kenaikan ujian Troponin T sahaja tidak diambil kira sebagai diagnosis serangan jantung. Secara khususnya angina adalah dikecualikan.
- (2) “Strok” : Ditakrifkan sebagai kemalangan atau kejadian cerebrovaskular yang menghasilkan sekuela neurologi bersifat kekal, yang berterusan tidak kurang daripada enam bulan. Termasuk infarksi tisu otak, pendarahan dan embolisasi yang berpunca daripada kranial tambahan. Diagnosis mesti berdasarkan perubahan yang dilihat dalam

imbasan CT atau MRI dan disahkan oleh seorang Pakar Perunding Neurologi.

Secara khususnya tidak termasuk gejala serebrum akibat serangan iskemia sementara, sebarang defisit neurologi iskemia berbalik, iskemia vertebrobasilar, gejala serebrum akibat migrain, kecederaan serebrum disebabkan trauma atau hipoksia dan penyakit vaskular yang menjelaskan mata atau saraf optik atau fungsi vestibul.

- (3) "Penyakit Arteri Koronari yang Memerlukan Pembedahan" : Merujuk kepada pembedahan pintasan arteri koronari sebenar yang dijalani secara torakotomi untuk membetulkan atau merawat penyakit arteri koronari tetapi tidak termasuk angioplasti, intra-arteri lain, prosedur lubang kunci atau laser.
- (4) "Kanser" : Kanser ditakrifkan sebagai sel malignan yang tumbuh dan merebak secara tidak terkawal dan serangan serta pemusnahan tisu normal apabila rawatan pencegahan atau pembedahan utama (kecuali prosedur endoskop semata-mata) dianggap perlu. Kanser mestilah disahkan dengan bukti histologi malignansi.
Keadaan berikut adalah dikecualikan:-
(a) Karsinoma in situ termasuk pada serviks
(b) Karsinoma Duktus in situ pada payudara
(c) Karsinoma Papillari pada pundi dan Kanser Prostat Peringkat 1
(d) Semua kanser kulit kecuali melanoma malignan
(e) Penyakit Hodgkin Peringkat 1
(f) Tumor berpuncu daripada komplikasi Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit.
- (5) "Kegagalan Buah Pinggang" : Kegagalan buah pinggang peringkat akhir yang menunjukkan kegagalan kronik kedua-dua belah buah pinggang yang tidak dapat dipulihkan untuk bersfungsi akibat dialisis renal tetap yang dimulakan atau pemindahan renal yang dijalankan.
- (6) "Hepatitis Virus Fulminan" : Ini ditakrifkan sebagai pengganti masif kepada nekrosis masif hati yang teruk yang disebabkan oleh sebarang virus yang mengakibatkan kegagalan hati yang membahayakan.
Kriteria diagnosis yang perlu dipenuhi ialah:
(a) Saiz hati yang menjadi semakin kecil dengan pantas seperti yang disahkan oleh ultrabunyi abdomen; dan
(b) Nekrosis yang melibatkan keseluruhan lobul, meninggalkan hanya rangka retikular yang hancur; dan
(c) Ujian fungsi hati yang merosot dengan pantas;

- dan
- (d) Jaundis yang semakin mendalam.
Jangkitan Hepatitis B atau status pembawa sahaja tidak memenuhi kriteria diagnosis.
- (7) "Pemindahan Organ Utama" : Pemindahan sebenar yang dijalani sebagai penerima salah satu daripada organ manusia berikut:
- (a) Buah pinggang
 - (b) Paru-paru
 - (c) Hati
 - (d) Jantung
 - (e) Sumsum tulang
- (8) "Lumpuh / Paraplegia" : Hilang penggunaan kedua-dua anggota tangan atau kaki, atau sebelah tangan dan sebelah kaki secara menyeluruh dan kekal, lumpuh terus akibat sakit atau kecederaan yang berterusan untuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh trauma atau sakit.
- (9) "Sklerosis Berbilang" : Diagnosis yang jelas oleh Pakar Perunding Neurologi yang mengesahkan kombinasi berikut, yang berterusan untuk sekurang-kurangnya satu tempoh enam (6) bulan berturut-turut:
- (a) Gejala merujuk kepada saluran (bahan putih) yang melibatkan saraf optik, pangkal otak dan saraf tunjang, yang menghasilkan defisit neurologi yang ketara; dan
 - (b) Kepelbagaiannya lesi atau diskret; dan
 - (c) Sejarah eksaserbasi dan keredaan gejala / defisit neurologi tersebut yang didokumentasikan.
- (10) "Hipertensi Arteri Pulmonari Primer" : Bermaksud hipertensi pulmonari primer dengan pembesaran ventrikel kanan yang banyak yang ditentukan dengan pemeriksaan termasuk kateterisasi kardium, mengakibatkan kerosakan fizikal kekal yang tidak boleh dipulihkan pada tahap sekurang-kurangnya Klasifikasi Kelas 3 Persatuan Jantung New York bagi kerosakan kardium, dan mengakibatkan Hayat yang Diasuranskan tidak mampu melakukan pekerjaannya yang biasa.
- (11) "Buta" : Hilang penglihatan kedua-dua belah mata secara total, kekal dan tidak boleh dipulihkan. Pengesahan oleh pakar oftalmologi diperlukan.
- (12) "Penggantian Injap Jantung" : Pembedahan jantung terbuka sebenar yang dijalani untuk menggantikan atau membaiki injap jantung akibat kecacatan atau keabnormalan injap jantung



yang berlaku selepas tarikh keluaran atau tarikh penguatkuasaan semula kontrak ini.

Secara khususnya tidak termasuk pembedahan melalui valvotomi, prosedur intra-arteri, pembedahan lubang kunci atau teknik yang serupa.

- (13) "Hilang Pendengaran / Pekak" : Hilang pendengaran kedua-dua belah telinga secara total, kekal dan tidak dapat dipulihkan akibat penyakit atau kemalangan. Bukti perubatan dalam bentuk ujian audiometri dan ambang bunyi mestilah diberikan.
- (14) "Pembedahan Aorta" : Pembedahan sebenar melalui torakotomi atau laprotomi yang dijalani untuk membaiki atau membentulkan aneurisme aorta, penyumbatan aorta atau koarktasi aorta. Untuk tujuan takrif ini, aorta bermaksud aorta toraks dan abdomen tetapi bukan cabangnya.
- (15) "Hilang Pertuturan" : Hilang upaya bertutur secara total dan tidak dapat dipulihkan secara berterusan bagi tempoh dua belas (12) bulan. Bukti perubatan untuk mengesahkan kecederaan atau sakit peti suara untuk menyokong hilang upaya ini mestilah diberi oleh seorang pakar yang berkenaan (Telinga, Hidung, Tekak). Tidak termasuk semua sebab yang berkaitan dengan psikiatri.
- (16) "Penyakit Alzheimer / Gangguan Otak Degeneratif Organik yang Tidak Dapat Dipulihkan" : Kemerosotan atau hilang keupayaan intelektual atau kelakuan abnormal seperti yang dibuktikan dengan keadaan klinikal dan soal selidik standard yang diterima atau ujian yang timbul daripada Penyakit Alzheimer atau gangguan otak degeneratif organik yang tidak dapat dipulihkan, tidak termasuk neurosis, penyakit psikiatri, dan sebarang gangguan organik berkaitan dadah atau alkohol, yang mengakibatkan pengurangan signifikan dalam fungsi mental dan sosial yang memerlukan penyeliaan berterusan oleh Hayat yang Diasuranskan. Diagnosis mestilah disahkan secara klinikal oleh seorang perunding yang berkenaan.
- (17) "Terbakar Teruk" : Terbakar peringkat ketiga yang meliputi sekurang-kurangnya dua puluh peratus (20%) daripada kawasan permukaan badan Hayat yang Diasuranskan seperti yang diukur dengan "The Rule of 9" Carta Permukaan Badan Lund & Browder.

- (18) "Koma" : Keadaan tidak sedarkan diri tanpa reaksi atau gerak balas kepada rangsangan luar atau keperluan dalam, yang berterusan untuk sekurang-kurangnya 96 jam, yang memerlukan penggunaan sistem sokongan hayat dan mengakibatkan defisit neurologi, yang berterusan melebihi 30 hari. Pengesahan oleh seorang Pakar Perunding Neurologi diperlukan.
Tidak termasuk koma yang diakibatkan daripada kecederaan yang dilakukan sendiri, penyalahgunaan alkohol atau dadah.
- (19) "Penyakit yang Membawa Maut" : Hayat yang Diasuranskan mesti menderita suatu keadaan, yang mengikut pendapat Pengamal Perubatan berkemungkinan besar kematian akan berlaku dalam tempoh 12 bulan. Hayat yang Diasuranskan mestilah tidak lagi menerima sebarang rawatan aktif selain daripada penahan sakit.
- (20) "Penyakit Neuron Motor" : Etiologi penyakit neuron motor yang tidak diketahui dicirikan dengan kemerosotan progresif saluran kortikospina dan sel tanduk anterior atau neuron eferen bulbar. Ini termasuk atrofi otot spina, palsi bulbar progresif, sklerosis lateral amiotrofi dan sklerosis lateral primer.
Diagnosis mesti disahkan oleh seorang Pakar Perunding Neurologi.
- (21) "AIDS akibat Pemindahan Darah" : Hayat yang Diasuranskan yang dijangkiti virus HIV atau AIDS dengan syarat:
 (a) jangkitan disebabkan pemindahan darah yang diterima di Malaysia atau Singapura selepas permulaan Polisi ini; dan
 (b) Hayat yang Diasuranskan bukan seorang hemofilia; dan
 (c) Hayat yang Diasuranskan bukan seorang ahli bagi mana-mana kumpulan berisiko tinggi yang tidak terhad kepada homoseksual, pengguna suntikan dadah atau pekerja seks.
Pemberitahuan dan bukti kejadian akan diperlukan melalui satu kenyataan daripada Pihak Berkusa Kesihatan berkanun bahawa jangkitan tersebut diperoleh secara perubatan.
- (22) "Penyakit Parkinson" : Diagnosis Penyakit Parkinson yang jelas oleh seorang Pakar Perunding Neurologi apabila keadaan:
 (a) Tidak dapat dikawal dengan ubatan; dan
 (b) Menunjukkan tanda kerosakan yang progresif; dan
 (c) Penilaian Kegiatan Kehidupan Harian

mengesahkan bahawa Hayat yang Diasuranskan tidak berupaya melakukan tiga (3) atau lebih daripada Kegiatan Kehidupan Harian tanpa bantuan.

Hanya Penyakit Parkinson idiopatik adalah dilindungi. Tidak termasuk Parkinsonisme yang disebabkan penggunaan dadah atau toksik.

- (23) "Penyakit Hati yang Kronik" : Kegagalan hati peringkat akhir yang dibuktikan dengan jaundis kekal, asites, ensefalopati dan hipertensi portal.
Tidak termasuk ensefalopati Wernicke dan kegagalan hati sekunder akibat penyalahgunaan alkohol atau dadah.
- (24) "Penyakit Paru-Paru yang Kronik" : Kegagalan pernafasan peringkat akhir termasuk penyakit paru-paru interstisial yang kronik.
Kriteria berikut mestilah dipenuhi:
- (a) Memerlukan terapi oksigen kekal disebabkan hasil nilai ujian FEV1 secara konsisten yang kurang daripada satu liter.
(Forced Expiratory Volume semasa saat pertama hembusan nafas secara paksaan); dan
 - (b) Analisis Gas Darah Arteri dengan tekanan oksigen separa sebanyak 55mmHg atau kurang; dan
 - (c) Dispnea ketika rehat.
- (25) "Trauma Kepala yang Teruk" : Kecederaan kepala secara fizikal yang menyebabkan kerosakan fungsi kekal yang signifikan serta berterusan untuk satu tempoh minimum tiga (3) bulan dari tarikh trauma atau kecederaan. Kerosakan fungsi kekal akibat daripadanya mestilah disahkan oleh seorang Pakar Perunding Neurologi dan disokong oleh Pegawai Perubatan Syarikat serta mestilah mengakibatkan ketidakupayaan untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) Kegiatan Kehidupan Harian sama ada dengan atau tanpa penggunaan perkakas mekanikal, peralatan khas atau alat bantu dan alat adaptasi lain yang digunakan untuk orang yang hilang upaya. Untuk tujuan manfaat ini, perkataan "kekal", bermaksud tiada harapan untuk sembuh dengan pengetahuan dan teknologi perubatan semasa.
- (26) "Anemia Aplasia" : Kegagalan sumsum tulang yang kronik dan berterusan yang mengakibatkan aplasia sumsum tulang keseluruhan dan memerlukan rawatan dengan sekurang-kurangnya salah satu daripada berikut:
- (a) Pemindahan produk darah yang tetap

- (b) Agen perangsang sumsum
 (c) Agen imunosupresif
 (d) Pemindahan sumsum tulang
- (27) "Distrofi Otot" : Diagnosis distrofi otot memerlukan pengesahan seorang Pakar Perunding Neurologi terhadap kombinasi 3 daripada 4 keadaan yang berikut:
- (a) Sejarah ahli keluarga lain yang menghidapinya
 - (b) Keadaan klinikal termasuk ketiadaan gangguan deria, cecair serebro-spinal normal dan sedikit pengurangan refleks tendon
 - (c) Ciri-ciri elektromiogram
 - (d) Kesangsian klinikal yang disahkan dengan biopsi otot
- Tiada manfaat akan dibayar di bawah Kejadian yang Dilindungi ini sebelum Hayat yang Diasuransikan mencapai umur 12 tahun hari jadi berikutnya.
- (28) "Tumor Otak Benigna" : Tumor yang mengancam nyawa, bukan kanser dalam otak yang meningkatkan ciri tanda pertambahan tekanan dalam kranium seperti papiloedema, gejala mental, serangan sawan dan kerosakan deria. Kewujudan tumor yang tersebunyi mestilah disahkan dengan kajian imej seperti imbasan CT atau MRI. Tidak termasuk sista, granulomas, malformasi dalam atau luar arteri atau vena otak, hematomas, tumor dalam kelenjar pituitari atau spina dan tumor saraf akustik.
- (29) "Ensefalitis" : Ditakrifkan sebagai radang isi otak yang teruk, mengakibatkan defisit neurologi kekal yang berterusan untuk satu tempoh minimum 30 hari dan disahkan oleh seorang Pakar Perunding Neurologi. Defisit kekal mestilah mengakibatkan hilang upaya untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) Kegiatan Kehidupan Harian sama ada dengan atau tanpa penggunaan perkakas mekanikal, peralatan khas atau alat bantu dan alat adaptasi lain yang digunakan bagi orang yang hilang upaya. Untuk tujuan manfaat ini, perkataan "kekalkan" bermaksud tiada harapan untuk sembuh dengan pengetahuan dan teknologi perubatan semasa. Tidak termasuk ensefalitis yang berlaku akibat jangkitan HIV.
- (30) "Poliomielitis" : Diagnosis yang jelas oleh Pakar Perunding Neurologi tentang jangkitan virus Polio yang mengakibatkan penyakit lumpuh seperti yang dibuktikan dengan kerosakan fungsi motor atau

lemah pernafasan. Kes yang tidak melibatkan lumpuh tidak layak untuk manfaat ini. Secara khususnya tidak termasuk semua sebab lain bagi lumpuh (contohnya sindrom Guillain-Barre).

- (31) "Pembedahan Otak" : Pembedahan otak sebenar yang dijalani di bawah keadaan anestesia am semasa kraniotomi dilakukan. Tidak termasuk pembedahan Bur Hole dan otak akibat kemalangan.
- (32) "Meningitis Bakteria" : Meningitis bakteria yang menyebabkan radang membran otak atau saraf tunjang yang mengakibatkan defisit neurologi kekal yang berterusan untuk satu tempoh minimum 30 hari dan mengakibatkan hilang upaya kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) Kegiatan Kehidupan Harian sama ada dengan atau tanpa penggunaan perkakasan mekanikal, peralatan khas atau alat bantu dan adaptasi lain yang digunakan bagi orang yang hilang upaya. Untuk tujuan manfaat ini, perkataan "kekalkan", bermaksud tiada harapan untuk sembuh dengan pengetahuan dan teknologi perubatan semasa.
- (33) "Penyakit Arteri Koronari Teruk yang Lain" : Penyempitan lumen bagi sekurang-kurangnya tiga arteri utama iaitu Sirkumfleks, Arteri Koronari Kanan (RCA), Arteri Menurun Anterior Kiri (LAD), dengan minimum 60 peratus atau lebih seperti yang dibuktikan dengan arteriografi koronari. Manfaat ini dibayar tanpa mengambil kira sama ada sebarang bentuk pembedahan arteri koronari telah dijalankan atau tidak.
- (34) "Sindrom Apalik" : Nekrosis menyeluruh korteks otak, dengan pangkal otak tidak terjejas. Diagnosis mestilah disahkan oleh seorang Pakar Perunding Neurologi dan keadaan tersebut mestilah didokumentasikan untuk sekurang-kurangnya satu bulan.
- (35) "Perlindungan AIDS untuk Kakitangan Perubatan" : Jangkitan sebarang Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) hanya jika Hayat yang Diasuranskan adalah seorang Kakitangan Perubatan seperti yang ditakrifkan di bawah, dan jangkitan sedemikian dianggap oleh pihak berkuasa perubatan yang terlibat, sebagai kecederaan yang disebabkan batang jarum/alatan tajam atau akibat terdedah kepada darah atau cairan badan yang dicemari darah yang berlaku selepas permulaan Polisi ini. Kemalangan mestilah berlaku semasa Hayat yang Diasuranskan melakukan tugas pekerjaannya yang biasa dan kemalangan sedemikian dilaporkan menurut prosedur pekerjaan

yang ditetapkan. Hayat yang Diasuranskan mestilah, dalam tempoh 5 hari selepas kemalangan itu menjalani ujian darah untuk menunjukkan ketiadaan HIV atau antibodinya tetapi ujian darah selanjutnya yang dijalankan dalam tempoh 6 bulan selepas kemalangan itu mesti menunjukkan kehadiran HIV atau antibodinya selepas permulaan Polisi ini.

Namun, manfaat tidak akan dibayar jika sebarang rawatan penyembuhan ditemui bagi Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit atau kesan daripada virus HIV atau satu rawatan perubatan yang dihasilkan membolehkan pencegahan AIDS.

“Kakitangan Perubatan” ditakrifkan sebagai Doktor (Pakar Perubatan Am dan Pakar), jururawat, juruteknik makmal, doktor gigi (pakar bedah dan jururawat), pekerja ambulans yang bekerja di pusat perubatan atau hospital atau klinik pergigian/poliklinik di Malaysia.

(36) “AIDS Peringkat Akhir”

- : Manifestasi klinikal bagi AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) mesti disokong dengan hasil ujian antibodi positif HIV (Virus Kurang Daya Tahan Penyakit) dan ujian pengesahan Western Blot. Selain daripada itu, Hayat yang Diasuranskan mestilah mempunyai bilangan sel CD4 yang kurang daripada dua ratus (200) dan satu atau lebih daripada kriteria berikut dipenuhi:
 - (a) Kehilangan berat melebihi 10% daripada berat badan dalam tempoh enam (6) bulan atau kurang (sindrom wasting)
 - (b) Kaposi Sarcoma
 - (c) Pneumonia Carinii Pneumosistik
 - (d) Leukoensefalopati multifokal progresif
 - (e) Tuberkulosis aktif
 - (f) Limfosit kurang daripada seribu (1000)
 - (g) Limfoma Malignan

5.1.1.4 Had Perlindungan Manfaat

Seseorang Hayat yang Diasuranskan hanya boleh menuntut salah satu daripada tiga manfaat yang dinyatakan dalam Fasal 5.1.1.1, 5.1.1.2 dan 5.1.1.3 di atas dan hanya satu tuntutan boleh dibayar sepanjang hayatnya semasa diinsuranskan di bawah Polisi ini.

5.1.2 Asurans B

Semasa Polisi ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, selepas menerima dan meluluskan bukti umur dan/atau keterangan lain yang memuaskan kepada Syarikat bahawa Hayat yang Diasuranskan mengalami sebarang Kehilangan akibat Kecederaan semasa diinsuranskan di bawah Polisi ini, Syarikat akan membayar manfaat yang tidak akan melebihi amaun yang diperoleh dengan



mendarabkan peratusan yang sesuai seperti ditunjukkan dalam Jadual Pampasan dengan jumlah asurans bagi Asurans B (dirujuk sebagai "Jumlah Asurans B"). Namun, jika sebarang kejadian yang dinyatakan dalam Seksyen A atau Seksyen B bagi Jadual Pampasan yang dilampirkan sebelum Ulang Tahun Sijil apabila Anak yang Diasuranskan mencapai umur lima (5) tahun hari jadi berikutnya, amaun Jumlah Asurans B yang dibayar akan disemak semula menurut jadual di bawah:

Umur Hari Jadi Berikut
Anak yang Diasuranskan pada

<u>Ulang Tahun Sijil Sebelum Berlaku Tuntutan</u>	<u>Amaun Jumlah Asurans B yang Disemak Semula</u>
1	20% daripada Jumlah Asurans B
2	40% daripada Jumlah Asurans B
3	60% daripada Jumlah Asurans B
4	80% daripada Jumlah Asurans B

Namun, jika sesuatu kejadian berlaku sebelum Ulang Tahun Sijil pertama, umur hari jadi berikut Anak yang Diasuranskan pada Tarikh Permulaan Risiko akan digunakan untuk menentukan Amaun Jumlah Asurans B yang Disemak Semula.

Dengan syarat:

- 5.1.2.1 Selepas pembayaran sebarang manfaat yang dibayar di bawah Seksyen A, B dan C bagi Jadual Pampasan yang dilampirkan, Jadual B akan dikurangkan secara bersekadar dengan amaun sama bagi manfaat yang dibayar.
- 5.1.2.2 Amaun agregat manfaat yang dibayar bersama hendaklah tidak melebihi seratus peratus (100%) daripada Jumlah Asurans B di bawah Seksyen A, B dan C bagi Jadual Pampasan yang dilampirkan bagi mana-mana satu Hayat yang Diasuranskan tanpa mengambil kira jumlah Kemalangan.
- 5.1.2.3 Seseorang Hayat yang Diasuranskan boleh menuntut pampasan di bawah salah satu daripada tiga seksyen (Seksyen A, Seksyen B atau Seksyen C) dalam Jadual Pampasan yang dilampirkan berhubung dengan mana-mana satu Kemalangan. Sebagai tambahan, hanya satu kehilangan dalam Seksyen A, B atau C bagi Jadual Pampasan yang dilampirkan boleh dituntut dalam mana-mana satu Kemalangan.
- 5.1.2.4 Apabila amaun agregat tuntutan yang dibayar telah mencecah seratus peratus (100%) bagi Asurans B, Asurans B akan ditamatkan secara automatik.

5.1.3 Asurans C

- 5.1.3.1 Manfaat di bawah Asurans C adalah bersamaan dengan Jumlah Nilai Pelaburan, jika ada, bagi Sijil Asurans.
- 5.1.3.2 Syarikat akan membayar Jumlah Nilai Pelaburan, jika ada, berhubung dengan mana-mana Sijil Asurans ke atas perkara berikut yang berlaku paling awal:-
 - 5.1.3.2.1 jika Hayat yang Diasuranskan masih hidup sehingga Tarikh Matang; atau
 - 5.1.3.2.2 penamatkan Sijil Asurans pada Tarikh Penamatkan.

6. PENGECUALIAN

6.1 Asurans A

- 6.1.1 Tiada manfaat akan dibayar dalam hal bunuh diri dalam tempoh satu (1) tahun pertama dari Tarikh Permulaan Risiko atau dari tarikh sebarang penguatkuasaan semula Sijil Asurans, mana-mana yang kemudian.
- 6.1.2 Bayaran pendahuluan seperti yang disediakan di bawah Fasal 5.1.1.2 di atas tidak akan dibuat untuk Hayat yang Diasuranskan bagi Hilang Upaya Total dan Kekal yang:
- 6.1.2.1 sedia wujud sebelum atau pada Tarikh Permulaan Risiko atau pada tarikh sebarang penguatkuasaan semula Sijil Asurans, mana-mana yang kemudian; atau
 - 6.1.2.2 akibat Hayat yang Diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau felonii atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh Hayat yang Diasuranskan; atau
 - 6.1.2.3 disebabkan kecederaan badan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung (kecuali dalam percubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia), ketika waras atau tidak waras; atau
 - 6.1.2.4 disebabkan kecederaan badan yang dialami akibat payung terjun atau terjun udara atau terlibat dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau penumpang yang membayar tambang dalam Syarikat Penerbangan Antarabangsa yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa; atau
 - 6.1.2.5 disebabkan perperangan, sama ada diisyiharkan atau tidak diisyiharkan.
- 6.1.3 Syarikat tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang Kejadian yang Dilindungi yang telah didiagnosis ke atas Hayat yang Diasuranskan yang:
- 6.1.3.1 sedia wujud sebelum atau pada Tarikh Permulaan Risiko atau pada tarikh sebarang penguatkuasaan semula Sijil Asurans, mana-mana yang kemudian; atau
 - 6.1.3.2 disebabkan kecederaan badan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung (kecuali dalam percubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia), ketika waras atau tidak waras; atau
 - 6.1.3.3 akibat Hayat yang Diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau felonii atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh Hayat yang Diasuranskan; atau
 - 6.1.3.4 disebabkan perperangan, sama ada diisyiharkan atau tidak diisyiharkan.

Sebagai tambahan, Syarikat tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang Kejadian yang Dilindungi yang dinyatakan di bawah Senarai A dalam Jadual 1 berikut jika Hayat yang Diasuranskan telah didiagnosis sebelumnya atau menjalani pembedahan bagi suatu Kejadian yang Dilindungi seperti dinyatakan dalam Senarai B.

Jadual 1

PERKARA	SENARAI A	SENARAI B
1	Mana-mana penyakit berikut: (i) Serangan Jantung; (ii) Strok; (iii) Penyakit Arteri Koronari yang Memerlukan Pembedahan;	Kejadian yang Dilindungi yang sepadan

	(iv) Kanser; (v) Kegagalan Buah Pinggang; (vi) Hepatitis Virus Fulminan; atau Pemindahan Organ Utama	
2	Penyakit Arteri Koronari yang Memerlukan Pembedahan	Serangan Jantung
3	Serangan Jantung	Penyakit Arteri Koronari yang Memerlukan Pembedahan
4	Penyakit Arteri Koronari yang Memerlukan Pembedahan atau Serangan Jantung	Pemindahan Jantung
5	Pemindahan Jantung	Penyakit Arteri Koronari yang Memerlukan Pembedahan atau Serangan Jantung
6	Hepatitis Virus Fulminan	Pemindahan Hati
7	Penyakit Hati yang Kronik	Pemindahan Hati

6.2 Asurans B

Syarikat tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang Kecederaan yang mengakibatkan Kehilangan yang disebabkan daripada mana-mana perkara berikut termasuk akibatnya, sama ada secara langsung atau tidak langsung:

- 6.2.1 bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras;
- 6.2.2 penyakit badan atau gangguan mental atau fungsian atau sebarang jenis sakit atau penyakit, atau sebarang jangkitan, selain daripada jangkitan yang berlaku serentak dan akibatnya belahan atau luka kemalangan;
- 6.2.3 perperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisyiharkan atau tidak, aktiviti jenayah, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan;
- 6.2.4 daripada tindakan sebarang angkatan bersenjata, atau daripada Kemalangan atau keganasan yang berlaku kerana kewujudan keadaan konflik bersenjata;
- 6.2.5 penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa;
- 6.2.6 disebabkan Hayat yang Diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau felonii atau sebarang pelanggaran undang-undang atau percubaan melanggar undang-undang oleh Hayat yang Diasuranskan atau mengelak daripada ditangkap;
- 6.2.7 di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan atas arahan oleh pakar perubatan;
- 6.2.8 Kecederaan akibat daripada sebarang perlumbaan (kecuali perlumbaan dengan kakii), aktiviti atau sukan berbahaya yang melibatkan kelajuan, ketinggian, penggunaan tenaga fizikal yang tinggi, menggunakan kelengkapan khas atau lagak ngeri yang tidak terhad kepada terjun lelabah, payung terjun, selam skuba, terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan kelengkapan pernafasan, sukan musim sejuk, Sukan Profesional dan aktiviti haram. Bagi mengelakkan keraguan, "Sukan Profesional" bermaksud terlibat dalam sebarang aktiviti fizikal secara profesional atau apabila Hayat yang Diasuranskan akan atau boleh menjana pendapatan atau ganjaran daripada penglibatan dalam aktiviti tersebut;



- 6.2.9 daripada kelahiran anak, kehamilan dan/atau sebarang komplikasi daripadanya;
- 6.2.10 radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktif daripada sebarang bahan bakar nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear; atau
- 6.2.11 daripada penglibatan Hayat yang Diasuranskan dalam komando atau tugas/latihan pemusnahan bom.

7. SYARAT PEMBAYARAN TUNTUTAN

- 7.1 Pematuhan wajar dan penunaian terma serta syarat Polisi ini oleh pihak yang berkaitan akan menjadi syarat terdahulu kepada sebarang tanggungjawab Syarikat untuk membuat sebarang pembayaran di bawah Polisi ini.
- 7.2 Sebarang manfaat yang dibayar di bawah Polisi ini akan dibayar kepada Hayat yang Diasuranskan atau mana-mana individu yang berhak mendapatnya, dengan syarat:
 - 7.2.1 tiada pelanggaran sebarang terma dan syarat Polisi ini; dan
 - 7.2.2 Polisi ini dan/atau Sijil Asurans tidak ditamatkan untuk apa jua sebab.Semua pembayaran yang dibuat oleh Syarikat mengikut cara yang dinyatakan dalam Fasal 7.2 ini akan memberi pelepasan yang baik dan sah terhadap Syarikat.
- 7.3 Sebelum pembayaran sebarang tuntutan yang boleh dibayar di bawah Asurans, amanun sebarang hutang ke atas Asurans akan ditolak terlebih dahulu daripada manfaat yang dibayar.
- 7.4 Pemegang Polisi dan/atau Hayat yang Diasuranskan hendaklah memberi notis bertulis serta-merta kepada Syarikat bagi sebarang perubahan dalam pekerjaan, tabiat, usaha, negeri atau kediaman Hayat yang Diasuranskan dan perlu membayar sebarang premium tambahan yang mungkin dikenakan oleh Syarikat.
- 7.5 Notis bertulis hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat Syarikat atau mana-mana pejabat cawangan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh suatu tuntutan dibuat.
- 7.6 Semua sijil, maklumat dan bukti yang dikehendaki oleh Syarikat berhubung dengan sebarang tuntutan di bawah mana-mana Asurans akan disediakan atas perbelanjaan Hayat yang Diasuranskan dalam bentuk dan keadaan seperti yang mungkin dikehendaki Syarikat.
- 7.7 TPD atau Kejadian yang Dilindungi bagi tuntutan yang dibuat mesti didiagnosis oleh Pengamal Perubatan dan mesti disokong dengan bukti klinikal, radiologi, histologi dan makmal yang boleh diterima oleh Syarikat; semua bukti perubatan tersebut mesti diberi atas perbelanjaan orang yang menuntut, dan dalam bentuk seperti yang diperlukan oleh Syarikat.
- 7.8 Jika dikehendaki oleh Syarikat, Hayat yang Diasuranskan mesti menjalani pemeriksaan perubatan oleh Pengamal Perubatan yang dilantik oleh Syarikat berhubung dengan Kejadian yang Dilindungi bagi sesuatu tuntutan yang telah dibuat.
- 7.9 Melainkan dilarang undang-undang, Syarikat boleh memeriksa badan dan menjalankan autopsi sebelum membuat sebarang pembayaran di bawah Polisi ini.

THE GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE MALAYSIA BERHAD (93745-A)

ASURANS B

UNTUK DILAMPIRKAN PADA DAN DIBACA SEBAGAI
SEBAHAGIAN DARIPADA NO. POLISI BERKELOMPOK: 118

JADUAL PAMPASAN


<u>Kehilangan</u>	<u>Manfaat - % Jumlah Asurans B</u>	
<u>Seksyen A</u>		
(1) Kematian	100%	
<u>Seksyen B</u>		
(1) Kehilangan kedua-dua tangan	100%	
(2) Kehilangan kedua-dua kaki	100%	
(3) Kehilangan penglihatan kedua-dua belah mata secara keseluruhan dan tidak boleh dipulihkan	100%	
(4) Kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki	100%	
(5) Kecederaan yang mengakibatkan terlantar di atas katil secara kekal	100%	
(6) Sebarang kecederaan lain yang mengakibatkan hilang upaya total dan kekal	100%	
(7) Lumpuh keseluruhan dan tidak boleh dipulihkan	100%	
<u>Seksyen C</u>		
(1) Kehilangan lengan daripada bahu	100%	
(2) Kehilangan lengan di antara bahu dan siku	100%	
(3) Kehilangan lengan pada siku	100%	
(4) Kehilangan lengan di antara siku dan pergelangan tangan	100%	
(5) Kehilangan tangan pada pergelangan tangan	100%	
(6) Kehilangan kaki pada pinggul	100%	
(7) Kehilangan kaki di antara lutut dan pinggul	100%	
(8) Kehilangan kaki di bawah lutut	100%	
(9) Kehilangan mata - keseluruhan	100%	
(10) Kehilangan mata - penglihatan	100%	
(11) Kehilangan penglihatan sebelah mata secara keseluruhan dan tidak boleh dipulihkan kecuali cerapan cahaya	50%	
(12) Kehilangan kanta mata	50%	
(13) Kehilangan pendengaran - kedua-dua telinga	75%	
	- sebelah telinga	15%
(14) Kehilangan pertuturan keseluruhan	50%	
(15) Kehilangan empat jari dan ibu jari tangan pada sebelah tangan	50%	
(16) Kehilangan empat jari tangan	40%	

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE MALAYSIA BERHAD (93745-A)

JADUAL PAMPASAN

(17)	Kehilangan ibu jari	- kedua-dua falanks	25%
(18)	Kehilangan jari telunjuk	- satu falanks	10%
		- ketiga-tiga falanks	10%
		- dua falanks	8%
		- satu falanks	4%
(19)	Kehilangan jari tengah	- ketiga-tiga falanks	6%
		- dua falanks	4%
		- satu falanks	2%
(20)	Kehilangan jari manis	- ketiga-tiga falanks	5%
		- dua falanks	4%
		- satu falanks	2%
(21)	Kehilangan jari kelengkeng	- ketiga-tiga falanks	4%
		- dua falanks	3%
		- satu falanks	2%
(22)	Kehilangan metakarpus	- pertama atau kedua (tambahan)	3%
		- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%
(23)	Kehilangan jari kaki	- semua	15%
		- kedua-dua ibu falanks	5%
		- satu ibu falanks	2%
		- selain daripada ibu jari kaki, jika kehilangan lebih daripada satu jari kaki setiap satu	1%

Sebarang bentuk hilang upaya kekal akan dinilai oleh Syarikat mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya dan sebarang perkadaran Jumlah Asurans B yang dibayar hendaklah menurut kadar pampasan yang dinyatakan oleh Pengamal Perubatan Syarikat agar konsisten dengan kadar pampasan yang digunakan seperti dinyatakan dalam Jadual Pampasan ini.



Tandatangan Yang Dibenarkan

Tarikh: 18hb Januari 2012

GREAT EASTERN LIFE INSURANCE MALAYSIA BERHAD (93745-A)

JADUAL A

UNTUK DILAMPIRKAN PADA DAN DIBACA SEBAGAI
SEBAHAGIAN DARIPADA NO. POLISI BERKELOMPOK: 118

JENIS DANA YANG BOLEH DIDAPATI

CAJ PENGURUSAN DANA

DANA RESTU

1.45%

CAJ PENGURUSAN DANA BOLEH DIUBAH OLEH SYARIKAT.

YURAN POLISI

Saiz Polisi (Bilangan Hayat)	Yuran Polisi Bulanan (RM)
≤ 300	5.00
301 - 500	3.00
501 - 1000	2.00
1001 - 5000	1.00
5001 - 10000	0.50
> 10000	0.30


Tandatangan Yang Dibenarkan

Tarikh: 18hb Januari 2012

GMBSILP/V04/04-2010 (GS118)

37

09-GIN004



GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE MALAYSIA BERHAD (93745-A)

JADUAL MANFAAT

UNTUK DILAMPIRKAN PADA DAN DIBACA SEBAGAI
SEBAHAGIAN DARIPADA NO. POLISI BERKELOMPOK: 118

Premium Bulanan RM	Jumlah Asurans A bagi Asurans A RM	Jumlah Asurans B bagi Asurans B RM	Perbelanjaan Pengebumian RM
30	30,000	30,000	2,000
40	40,000	40,000	2,000
50	50,000	50,000	2,000
60	60,000	60,000	2,000
80	80,000	80,000	2,000
100	100,000	100,000	2,000
120	120,000	120,000	2,000
150	150,000	150,000	2,000
200	200,000	200,000	2,000
250	250,000	250,000	2,000

Nota:

Syarikat berhak sepenuhnya untuk menyemak semula Premium Bulanan mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya, seperti dinyatakan dalam Fasal 4.10 bagi Keistimewaan dan Syarat ini.

Tandatangan Yang Dibenarkan

Tarikh: 18hb Januari 2012

CREATE EASTERN LIFE ASSURANCE MALAYSIA BERHAD (93745-A)


JADUAL CAJ INSURANS

UNTUK DILAMPIRKAN PADA DAN DIBACA SEBAGAI
SEBAHAGIAN DARIPADA NO. POLISI BERKELOMPOK: 118

Umur Hari Jadi Berikut	CAJ INSURANS BAGI RM1000 JUMLAH ASURANS				
	Asurans A		Asurans B		
	Lelaki	Perempuan	Kelas Pekerjaan 1	Kelas Pekerjaan 2	Kelas Pekerjaan 3
16	1.62	1.63	0.69	1.00	1.34
17	1.62	1.63	0.69	1.00	1.34
18	1.62	1.63	0.69	1.00	1.34
19	1.62	1.63	0.69	1.00	1.34
20	1.62	1.63	0.69	1.00	1.34
21	1.63	1.64	0.69	1.00	1.34
22	1.65	1.65	0.69	1.00	1.34
23	1.65	1.65	0.69	1.00	1.34
24	1.67	1.68	0.69	1.00	1.34
25	1.70	1.70	0.69	1.00	1.34
26	1.73	1.74	0.69	1.00	1.34
27	1.75	1.75	0.69	1.00	1.34
28	1.76	1.77	0.69	1.00	1.34
29	1.80	1.80	0.69	1.00	1.34
30	1.83	1.84	0.69	1.00	1.34
31	1.87	1.88	0.69	1.00	1.34
32	1.91	1.92	0.69	1.00	1.34
33	1.96	1.97	0.69	1.00	1.34
34	1.98	1.99	0.69	1.00	1.34
35	2.05	2.05	0.69	1.00	1.34
36	2.29	2.13	0.69	1.00	1.34
37	2.48	2.22	0.69	1.00	1.34
38	2.72	2.34	0.69	1.00	1.34
39	3.02	2.52	0.69	1.00	1.34
40	3.34	2.86	0.69	1.00	1.34
41	3.77	3.21	0.69	1.00	1.34
42	4.24	3.56	0.69	1.00	1.34
43	4.82	4.00	0.69	1.00	1.34
44	5.46	4.47	0.69	1.00	1.34
45	6.18	5.03	0.69	1.00	1.34
46	6.97	5.65	0.69	1.00	1.34
47	7.88	6.39	0.69	1.00	1.34
48	8.81	7.18	0.69	1.00	1.34
49	9.79	8.02	0.69	1.00	1.34
50	10.84	8.90	0.69	1.00	1.34
51	12.05	9.87	0.69	1.00	1.34
52	13.37	10.89	0.69	1.00	1.34
53	14.81	11.99	0.69	1.00	1.34
54	16.40	13.20	0.69	1.00	1.34
55	18.17	14.63	0.69	1.00	1.34

Nota:

Syarikat berhak sepenuhnya untuk menyemak semula caj di atas mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya, seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 4.10 bagi Keistimewaan dan Syarat.



Tandatangan Yang Dibenarkan

Tarikh: 18hb Januari 2012

GMBSILP/V04/04/2010 (GS118)

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (93745-A)

KONTRAK MANFAAT HOSPITAL BERKUMPULAN TAMBAHAN

Kontrak Tambahan ini adalah dikeluarkan berhubung dengan Polisi Berkumpulan No.118 (Polisi Asas) yang kepadanya kontrak ini dilampirkan. Sebagai balasan permohonan bertarikh 1hb Ogos 2010 dan pembayaran premium permulaan, Kontrak Tambahan ini akan berkuat kuasa pada 1hb Ogos 2010 dan selepas itu pada setiap Ulang Tahun Polisi tertakluk kepada persetujuan Syarikat dan pembayaran premium pembaharuan.

Perlindungan di bawah Kontrak Tambahan ini akan secara automatik terhenti pada tarikh penamatan Polisi Asas.

SEKSYEN I - TAKRIF AM

Kecuali ditakrifkan sebaliknya dalam konteks, takrif berikut adalah digunakan bagi maksud Kontrak Tambahan.

"Hospital" bermakna satu institusi yang beroperasi secara sah, yang mempunyai perkhidmatan rawatan jururawat berijazah yang berdaftar dua puluh empat (24) jam sehari, ada terdapat seorang atau lebih doktor perubatan pada setiap masa dan kemudahan yang teratur bagi diagnosis dan pembedahan Utama. Walau bagaimanapun, perkataan itu hendaklah tidak sekali-kali termasuk mana-mana institusi atau sebahagian daripadanya yang digunakan terutamanya sebagai satu tempat untuk penagih dadah, tempat penagih arak, tempat untuk rehat atau menjagaan, tempat untuk orang tua-tua, sebagai rumah rawatan atau rumah pemulihan.

SEKSYEN II - PERUNTUKAN AM

1. Penyertaan

Bagi perlindungan ke atas Hayat yang Diasuranskañ, Kontrak Tambahan ini akan bermula pada Tarikh Kuat Kuasanya.

2. Penamatan

Manfaat di bawah Kontrak Tambahan ini akan tamat apabila manfaat Hayat yang Diasuranskañ di bawah Polisi Asas tamat.

Pemegang Polisi dan Syarikat dibenarkan untuk menamatkan Kontrak Tambahan ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis tiga (3) bulan secara bertulis kepada pihak yang satu lagi itu.

3. Pemberhentian Asurans

Insurans Hayat yang Diasuranskañ di bawah Kontrak Tambahan ini akan tamat dan premium baginya tidak lagi dibayar apabila dan jika

- a) Jumlah manfaat penahanan di hospital mencapai had keseluruhan sebanyak 500 kali ganda kadar harian bagi pampasan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat yang dilampirkan atau dalam endorsmen atau Hayat yang Diasuranskañ mencapai umur enam puluh lima (65) tahun, mana-mana yang berlaku terlebih dahulu.

- b) Asurans lopus atau menjadi tidak sah atau adalah sebaliknya ditamatkan menurut peruntukan Kontrak Tambahan ini atau mana-mana endorsmen bagi endorsmen padanya.
- c) Asurans di bawah Polisi Asas terhenti.

4. Pembayaran Balik Premium

Jika atas apa jua sebab sesuatu premium atau premium-premium dibayar bagi sesuatu asurans selepas asurans itu ditamatkan seperti di atas, maka penerimaan pembayaran itu oleh Syarikat tidak akan merupakan satu penerusan asurans ini tetapi mana-mana premium atau premium-premium yang dibayar sedemikian akan dibayar balik dan Syarikat tidak akan bertanggungan berhubung dengan asurans ini.

Di mana premium telah diterima oleh Syarikat lebih daripada yang Hayat yang Diasuranskan layak di bawah terma dan syarat Kontrak Tambahan ini, maka premium yang berlebihan itu akan dibayar balik.

SEKSYEN III - MANFAAT

Tertakluk kepada pengecualian, syarat-syarat dan hak untuk menghentikan manfaat yang terkandung di sini, Syarikat akan membayar apabila menerima bukti yang sempurna bahawa Hayat yang Diasuranskan di tahan di sebuah Hospital (tidak termasuk hospital mental) di Malaysia, Singapura atau Brunei kerana sakit, cedera, maka manfaat hospital (selepas ini disebut sebagai "manfaat") seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Manfaat mengandungi Manfaat Hospital yang boleh dibayar kepada Hayat yang Diasuranskan bagi tempoh penahanan di Hospital ini, tertakluk kepada Fasal-Fasal lain dalam Kontrak Tambahan ini.

SEKSYEN IV - PENGECUALIAN

Walau apa pun yang terkandung di dalam Kontrak Tambahan ini, manfaat tidak akan terpakai jika penahanan di hospital Hayat yang Diasuranskan itu adalah akibat, sama ada secara langsung atau tidak langsung, daripada

1. Kecederaan yang dilakukan sendiri atau percubaan membunuh diri, ketika siuman atau tidak siuman
2. Mana-mana kecederaan yang diterima:
 - (a) Ketika bertugas dalam mana-mana tentera laut, tentera darat, tentera udara atau pasukan polis.
 - (b) Akibat perang, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, penderhakaan, penentangan atau kuasa tentera atau rampasan kuasa, rusuhan, kekacauan awam, serangan oleh penjahat atau penganas, sama ada atau tidak Hayat yang Diasuranskan telah sebenarnya menyertainya.

- (c) Daripada membuat penerbangan udara termasuk terjun payung dan terjun udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam sebuah Pesawat terbang Antarabangsa yang beroperasi di laluan berjadual biasa.
 - (d) Akibat daripada Hayat yang Diasuranskan melakukan, cuba atau menghasut serangan atau perbuatan jenayah atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh Hayat yang Diasuranskan.,
 - (e) Ketika dipengaruhi oleh arak atau dadah.
 - (e) Daripada membuat perlumbaan dengan kuda atau kenderaan beroda.
 - (f) Daripada membuat sebarang kegiatan di bawah air.
3. Mabuk arak, ketagih dadah, kemuraman, sakit mental atau fungsi, sakit kelamin, mengandung, keguguran, kelahiran anak atau akibat daripadanya.

SEKSYEN V - SYARAT

- 1. Syarikat tidak akan bertanggungan untuk membayar mana-mana tuntutan bagi manfaat di bawah peruntukan ini jika Hayat yang Diasuranskan telah membuat asurans selanjutnya untuk memberikan manfaat penahanan di hospital semenjak tarikh cadangan ini tanpa persetujuan bertulis daripada Syarikat.
 - 2. Tidak ada manfaat yang akan dibayar berhubung dengan penahanan di hospital:
 - (a) Akibat sakit atau kecederaan yang berlaku sebelum premium permulaan dibayar, atau ketika asurans adalah dalam keadaan lupus.
 - (b) Semasa 6 minggu pertama asurans ini atau 6 minggu pertama selepas dihidupkan semula asurans pada bila-bila masa, kecuali bagi kecederaan yang berlaku dalam sesuatu kemalangan.
 - 3. Manfaat tidak dibayar berhubung dengan penahanan di hospital yang bermula selepas hari lahir ke-65 Hayat yang Diasuranskan
- Hayat yang Diasuranskan hendaklah serta merta memberikan notis kepada Syarikat tentang sebarang pertukaran pekerjaannya, tabiat, usaha atau negeri atau tempat kediaman dan hendaklah membayar premium tambahan yang mungkin dikehendaki oleh Syarikat.
- 4. Notis bertulis hendaklah diberikan kepada Pegawai Syarikat atau mana-mana pejabat cawangannya dalam tempoh 28 hari ditahan di hospital berhubung dengan mana-mana yang tuntutan dibuat.
 - 5. Semua sijil, maklumat dan bukti yang dikehendaki oleh Syarikat berhubung dengan mana-mana tuntutan di bawah mana-mana asurans hendaklah diberikan atas perbelanjaan Hayat yang Diasuranskan atau wakil peribadi Hayat yang Diasuranskan dan hendaklah dalam bentuk dan keadaan seperti yang Syarikat mungkin tetapkan.

6. Mematuhi dan memenuhi dengan sempurnanya terma, syarat dan endorsmen yang terkandung di sini oleh pihak-pihak berkenaan akan menjadi syarat terdahulu bagi mana-mana tanggungan Syarikat untuk membuat pembayaran di bawah Kontrak Tambahan ini.

SEKSYEN VI – TUNTUTAN

1. Hayat yang Diasuranskan di bawah Kontrak Tambahan ini akan diinsuranskan bagi bilangan unit yang sama dengan yang dibelinya di bawah Polisi Asas.
2. Syarikat berhak untuk mengubah dari semasa ke semasa kadar, terma dan peruntukan Kontrak Tambahan ini termasuk Syarat Am dan Peruntukan Am apabila memberikan Pemegang Polisi notis 3 bulan terlebih dahulu secara bertulis yang habis tempoh pada Ulang Tahun Polisi tentang niatnya untuk berbuat demikian.
3. Manfaat di bawah polisi ini akan dikawal oleh terma, syarat dan peruntukan yang mengawal Skim Asurans Manfaat Berbilang Berkumpulan yang dikeluarkan kepada Pemegang Polisi setakat yang tidak bertentangan dengan Fasal lain dalam Kontrak Tambahan ini.
4. Di bawah manfaat ini, sekiranya ahli dimasukkan ke mana-mana hospital kerajaan atau swasta untuk sebarang penyakit/kecederaan akibat kemalangan, ahli tersebut layak untuk mendapat elaun kemasukan hospital sehingga had yang ditetapkan (sehingga tuntutan maksima 500 hari). Walau bagaimanapun, jika anda dimasukkan ke hospital untuk sebarang penyakit/kecederaan kecuali kecederaan akibat kemalangan sebelum mencapai umur 3 tahun pada ulang tahun akan datang, jumlah elaun harian yang dibayar adalah seperti berikut:

Umur Pada Ulang Tahun Akan Datang	Peratusan Jumlah Asurans Asas
1	50% dari jumlah harian elaun kemasukan hospital
2	75% dari jumlah harian elaun kemasukan hospital
3 & ke atas	100% dari jumlah harian elaun kemasukan hospital

*Manfaat HB untuk anak bermula dari umur 1 bulan

Jumlah maksima manfaat adalah 15% daripada jumlah tahunan caruman (termasuk segala manfaat tambahan) tertakluk kepada had maksima RM 100 sehari.

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (93745-A)

ENDORSMEN


UNTUK DILAMPIRKAN KEPADA DAN DIBACA SEBAGAI SEBAHAGIAN
DARIPADA POLISI BERKUMPULAN NO: 118

**MANFAAT: MANFAAT HARIAN TAMBAHAN BAGI PENAHANAN DI HOSPITAL DI
BAWAH SKIM MANFAAT BERBILANG BERKUMPULAN**

JADUAL MANFAAT DAN KADAR PREMIUM

UNIT	MONTHLY CONTRIBUTION ON BASIC POLICY	ENTITLEMENT	
		H.B MONTHLY	HOSPITALIZATION
6	RM30	RM3.00	RM30
8	RM40	RM4.00	RM40
12	RM60	RM6.00	RM60
16	RM80	RM8.00	RM80
20	RM100	RM10.00	RM100
24	RM120	RM12.00	RM120
30	RM150	RM15.00	RM150
40	RM200	RM20.00	RM200
50	RM250	RM25.00	RM250

NOTIS: Jadual di atas adalah terpakai sekiranya ahli skim ini membayar jumlah caruman H.B lebih daripada jumlah caruman asas.



Pegawai Dibenarkan

Bertarikh: 18hb Januari 2012

Sekiranya wujud sebarang peranggahan dalam penggunaan definisi dan/atau takstran istilah dan/atau terma-terma dan/atau syarat-syarat di dalam polisi ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.



GHB-V00/06-2003



Great
Eastern

09-GIN004

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (03745-A)

ENDORSMEN NO. 006 (PROM)

**UNTUK DILAMPIRKAN PADA DAN DIBACA SEBAGAI
SEBAHAGIAN DARIPADA NO. POLISI BERKELOMPOK: 118**

Tarikh Berkuat Kuasa Endorsmen ini: 1hb Ogos 2010

Perkara berikut adalah digunakan ke atas Polisi:-

1. TAKRIF

“Sakit Sedia Ada” bermaksud hilang upaya yang Hayat yang Diasuranskan mempunyai pengetahuan yang munasabah sebelum Tarikh Permulaan Risiko. Seseorang Hayat yang Diasuranskan boleh dianggap mempunyai pengetahuan yang munasabah terhadap Sakit Sedia Ada bagi satu keadaan yang mana:

- (a) Hayat yang Diasuranskan telah atau sedang menerima rawatan; atau
- (b) nasihat, diagnosis, jagaan atau rawatan perubatan yang telah disyorkan; atau
- (c) gejala yang jelas dan terang atau yang telah nyata; atau
- (d) kewujudannya adalah jelas kepada orang yang waras dalam keadaan itu.

“Tempoh Promosi Khas” bermaksud suatu tempoh tertentu bagi penyertaan Asurans di bawah Polisi, seperti yang ditentukan oleh Syarikat mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya.

2. SYARAT

2.1 Kelayakan

Semua Ahli yang Diasuranskan, pasangan dan anak masing-masing yang layak, berhak membeli Asurans di bawah Polisi semasa Tempoh Promosi Istimewa hanya dari **01/08/2010 hingga 30/09/2010** (termasuk kedua-dua tarikh) atau sebarang tempoh selanjutnya seperti yang ditentukan dan diberitahu oleh Syarikat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi.

2.2 Penerimaan Permohonan

Permohonan untuk Asurans berhubung dengan mana-mana Hayat yang Diasuranskan semasa Tempoh Promosi Istimewa akan diterima secara automatik tertakluk kepada keperluan berikut:-

- 2.2.1 Hayat yang Diasuranskan hendaklah mendedahkan semua maklumat dan menghantar semua dokumen yang diperlukan oleh Syarikat berhubung dengan permohonan Asurans;
- 2.2.2 Dalam kes apabila Hayat yang Diasuranskan ialah Anak yang Diasuranskan, Anak yang Diasuranskan hanya layak jika Pasangan yang Diasuranskan dan semua adik-beradik Anak yang Diasuranskan yang lebih muda serta layak untuk perlindungan di bawah Polisi semasa Tempoh Promosi Istimewa telah diinsuranskan di bawah Polisi. Sebarang variasi atau penepian sebelum ini adalah mengikut budi bicara tunggal Syarikat.
- 2.2.3 Jumlah asurans masing-masing bagi Asurans A dan Asurans B bagi setiap Hayat yang Diasuranskan adalah tetap, seperti dinyatakan dalam Seksyen 2.3.1 di bawah, semasa Tempoh Promosi Istimewa.


2.3 Manfaat Asurans yang Sama

- 2.3.1 Jumlah asurans masing-masing bagi Asurans A dan Asurans B bagi setiap Hayat yang Diasuranskan semasa Tempoh promosi Istimewa adalah sama ada RM30,000 dengan premium bulanan sebanyak RM30.00 atau RM60,000 dengan premium bulanan sebanyak RM60.00, seperti yang dibenarkan oleh Syarikat.
- 2.3.2 Tertakluk kepada terma dan syarat Polisi, selepas Tempoh Promosi Istimewa tamat tempoh,
 - 2.3.2.1 setiap Ahli yang Diasuranskan yang layak berhak memilih jumlah asurans untuk Asurans, dengan syarat:-
 - (a) jumlah asurans minimum masing-masing bagi Asurans A dan Asurans B di bawah Polisi hendaklah sekurang-kurangnya RM30,000; dan
 - (b) agregat jumlah asurans bagi Asurans A dan Asurans B tidak akan melebihi maksimum RM250,000 setiap hayat.
 - 2.3.2.2 setiap Pasangan yang Diasuranskan dan Anak yang Diasuranskan yang layak, berhak memilih jumlah asurans untuk Asurans, dengan syarat:-
 - (a) jumlah asurans minimum masing-masing bagi Asurans A dan Asurans B di bawah Polisi hendaklah sekurang-kurangnya RM30,000; dan
 - (b) agregat jumlah asurans bagi Asurans A dan Asurans B tidak akan melebihi agregat jumlah asurans yang dibeli oleh Ahli yang Diasuranskan.

2.4 Lien ke atas Asurans

Jika Hayat yang Diasuranskan meninggal dunia atau Hilang Upaya Total dan Kekal dalam tempoh dua (2) tahun pertama dari Tarikh Permulaan Risiko akibat sebarang Sakit Sedia Ada, manfaat yang dibayar di bawah Asurans A terhad kepada lima puluh peratus (50%) daripada jumlah asurans bagi Asurans A dengan syarat Sakit Sedia Ada telah didekahkan secara khusus dalam borang permohonan/cadangan.

Semua terma dan syarat lain bagi Polisi ini akan tetap tidak berubah.


Pegawai yang Dibenarkan